

**TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU : KAJIAN
TERHADAP PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM
PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI
BATU DI LEMBAH BUJANG, KEDAH, MALAYSIA**

NUR ATIQAH BINTI UMAR
C19B0491

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
2023



**TAPAK ARKEOLOGI SUNGAI BATU: KAJIAN
TERHADAP PENGLIBATAN KOMUNITI
DALAM PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI
SUNGAI BATU DI LEMBAH BUJANG, KEDAH,
MALAYSIA**

Oleh

NUR ATIQAH BINTI UMAR


Laporan dikemukakan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana
Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil penyelidikan asal dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi lain.



AKSES TERBUKA

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat segera sebagai salinan keras atau dalam talian akses terbuka (Teks Penuh)



SULIT

Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972.



TERHAD

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan.

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti yang berikut :

1. Laporan ini adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan ini mempunyai hak untuk membuat salinan laporan untuk pertukaran akademik.

Disahkan Oleh :



Tandatangan Pengkaji

Nama : Nur Atiqah Binti Umar

Tarikh : 23 / 2 / 2023



Tandatangan Penyelia Nama

: Dr. Suraya Binti Sukri Tarikh :

2/3/2023

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat illahi kerana dengan izin-Nya akhirnya saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan ini. Berkat kesabaran, usaha dan doa yang tidak putus-putus maka projek penyelidikan ini dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan.

Pertama sekali, saya ingin menganugerahkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr Suraya binti Sukri yang banyak membantu dan memberi dorongan serta ilmu dalam proses penghasilan projek penyelidikan ini. Semoga segala ilmu yang dicurahkan diberkati dan semoga beliau dalam rahmat Allag SWT selalu. Segala nasihat dan ilmu yang beliau berikan akan saya ingati.

Seterusnya, saya juga ingin tujukan penghargaan ini buat kedua ibu bapa saya iaitu Encik Umar bin Halim dan Puan Balkhis binti Firdaus, yang sentiasa menyokong semasa proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Mereka bukan sahaja menyokong dari segi doa yang dititipkan mereka juga memberikan sokongan dari segi kewangan untuk menyiapkan projek penyelidikan ini.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan ini buat sahabat-sahabat yang sentiasa memberikan dorongan dan menceriakan hari-hari kelabu sepanjang proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Mereka juga sentiasa menghulurkan bantuan ketika saya sangat memerlukan. Jasa kalian akan saya kenang. Terima kasih atas bantuan kalian.

Akhir kalam, terima kasih untuk diri sendiri kerana masih bertahan sehingga sekarang. Semoga kita semua berjaya dalam apa jua bidang yang kita ceburi.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	I
PENGHARGAAN	II
ISI KANDUNGAN	III-VIII
SENARAI RAJAH	VII
SENARAI JADUAL	VII-VIII
SENARAI GAMBAR	VIII
ABSTRAK	IX
ABSTRACT	X

BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pengenalan	1-2
1.1 Latar Belakang Kajian	2-5
1.2 Permasalahan Kajian	5-7
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Skop Kajian	8-9
1.6 Kepentingan Kajian	9-10
1.7 Penutup	10

BAB 2 SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan	11-12
2.1 Maksud Tapak Warisan	12-13
2.2 Tapak Warisan Di Malaysia	13-15
2.3 Pemuliharaan Tapak Warisan	16-18

2.4 Pewartaan Tapak Warisan	18-19
2.5 Keistimewaan Sungai Batu dan Lembah Bujang	19-21
2.6 Pengurusan Tapak	21-23
2.7 Komuniti	23-27
2.8 Kerangka Teori	27-30
2.9 Penutup	30

BAB 3 KADEAH PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan	31
3.1 Pendekatan Kajian	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	31-32
3.3 Kaedah Kajian	32-33
3.4 Unit Analisis	33
3.5 Teknik Pengumpulan Data	34-37
3.6 Pensampelan	37-38
3.7 Instrumen Kajian	38
3.8 Analisis Data	38-40
3.9 Penutup	41

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	42-43
4.1 Pihak Yang Terlibat Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu	43-45
4.1.1 Penglibatan Oleh Komuniti	45-48
4.1.2 Penglibatan Dari Badan Kerajaan	48-53
4.1.3 Penglibatan Dari Badan Bukan Kerajaan (NGO)	53-56

4.2 Tahap Penglibatan Komuniti Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	57
4.2.1 Data Demografi Responden	58-61
4.2.2 Tahap Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	62-66
4.2.3 Penyertaan Komuniti Dalam Aktiviti Yang Dianjurkan Oleh Pihak Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	66-72
4.2.4 Kerjasama Antara Komuniti Dan Pihak Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	73-77
4.3 Langkah Melestarikan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	77-78
4.3.1 Sumber Kewangan	78-81
4.3.2 Menjaga Kebersihan Dan Keselamatan Tapak Serta Kemudahan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang	81-82
4.3.3 Promosi	82-84
BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN	
5.0 Pengenalan	85-88
5.1 Cadangan	88-89
5.2 Kesimpulan	89-90

RUJUKAN	91-95
APPENDIX A	96
APPENDIX B	97–99
APPENDIX C	100–107
APPENDIX D	108
APPENDIX E	109-110

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI RAJAH

NO	RAJAH	HALAMAN
1.1	Peta Lokasi Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah	8
2.1	Tangga Penyertaan Arnstein	28
3.1	Analisis Tematik	40

SENARAI JADUAL

NO	JADUAL	HALAMAN
4.1	Taburan Responden Mengikut Umur Pelawat	58
4.2	Taburan Responden Mengikut Bsngsa	59
4.3	Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan	60
4.4	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Pekerjaan	61
4.5	Taburan Responden Mengenai Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang	63
4.6	Taburan Responden Mengikut Perbandingan Umur Dan Pernah Melawat ke Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang	64
4.7	Taburan Responden Mengikut Keterlibatan Komuniti Dalam Aktiviti Yang Dianjurkan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang	67
4.8	Taburan Responden Mengikut Perbandingan Taraf Pendidikan Dengan Penglibatan Komuniti Menyertai Setiap Aktiviti Yang Dijalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang	69
4.9	Taburan Responden Mengikut Perbandingan Taraf Pendidikan Dan Pengetahuan Tentang Aktiviti Yang DIjalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang	70-71

4.10	Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Perbandingan Terdapat Kerjasama Antara Pihak Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang Dengan Komuniti	74
4.11	Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Perbaningen Perspektif Terhadap Tapak Terbuka Kepada Umum	75-76

SENARAI GAMBAR

NO	GAMBAR	HALAMAN
4.1	Aktiviti Eskavasi	47
4.2	Aktiviti Trainee of Trainer	55

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Kajian terhadap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi**Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah Malaysia****ABSTRAK**

Kajian ini menumpukan kepada aspek penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, Kedah. Kajian ini memfokuskan peranan penglibatan komuniti dalam melestarikan pengurusan tapak. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, mengkaji tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang dan menganalisis langkah-langkah melestarikan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Kajian ini juga menggunakan pendekatan kajian kes dengan kaedah kualitatif dan kuantitatif melalui pemerhatian, temubual dan ‘survey’. Data kualitatif data dikumpul yang dianalisis menggunakan teknik analisis tematik dan bagi teknik kuantitatif, menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Data yang dikumpul telah dianalisis menggunakan teknik analisis tematik. Hasil kajian ini, membuktikan bahawa terdapat penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang serta membantu dari segi menguruskan kelestarian tapak. Dari hasil kajian tersebut mendapati bahawa tahap penglibatan komuniti berada ditahap ‘tokenism’ pada peringkat ‘placation’ di mana komuniti memberi kuasa kepada Jabatan Warisan untuk menguruskan tapak. Oleh itu, pihak pengurusan tapak perlu lebih proaktif dalam usaha mengajak komuniti untuk bersama-sama menguruskan tapak. Pihak perlulah menganjurkan aktiviti yang mesra komuniti bagi mengingkatkan penglibatan komuniti di tapak.

Kata kunci : penglibatan komuniti, pengurusan tapak arkeologi, Lembah Bujang, pelestarian tapak warisan, Sungai Batu.

A study on community involvement in the management of Sungai Batu archaeological site in Bujang Valley, Kedah Malaysia

ABSTRACT

This study focuses on aspects of community involvement in the management of the Sungai Batu archaeological site in Bujang Valley, Kedah. This study focuses on the role of community involvement in sustaining site management. The main objective of this study is to find out the parties involved in the management of the Sungai Batu archaeological site in the Bujang Valley, to examine the level of community involvement in the management of the Sungai Batu site in the Bujang Valley and analyse ways to preserve the Sungai Batu archaeological site in Bujang Valley. This study uses a case study approach with qualitative and quantitative methods through observation, interview and survey. The data qualitative data collected were analysed using thematic analysis techniques and as for quantitative technique, descriptive analysis were used. The result found that there is community involvement in the management of the Sungai Batu archaeological site in Bujang Valley, providing aid and collaboration in ensuring the site's sustainability. It was also found that the level of community involvement is at the tokenism level which is at the placation stage where community relies on the authority to the Jabatan Warisan Negara to manage the site and involves when necessary. This study suggest that the site management needs to be more proactive in entrusting the community to manage the site together especially in the decision-making level. The site management must organize community-friendly activities to increase community involvement on site. Eventually helping the site management maintain the sustainability of the Bujang Valley site.

Keywords: community involvement, archaeological site management, Bujang Valley, Preservation of heritage sites, Sungai Batu

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pengurusan tapak adalah berasaskan dasar-dasar dalam struktur organisasi persekutuan dan negeri. Kewujudan tapak ini adalah sebagai tempat penyelidikan dan pengumpulan artifak sebelum dimasukkan ke dalam muzium. Perkembangan tapak arkeologi ini adalah bergantung kepada proses penyelidikan yang dijalankan di sekitar kawasan tersebut. Koleksi artifak dan khazanah lama yang ditemui dihimpunkan dan diuruskan oleh pihak penyelidikan bagi mengenalpasti objek yang ditemui.

Kamus Dewan (2007), menerangkan warisan adalah sesuatu yang diterima secara turun temurun oleh seseorang dengan sesuatu kelompok masyarakat daripada generasi terdahulu. Manakala, Akta Warisan Kebangsaan 2005, pula menerangkan bahawa mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Hal ini menjelaskan bahawan warisan adalah peninggalan generasi terdahulu kepada generasi kini melalui hasil-hasil perbuatan tangan, pemikiran falsafah dan kreativiti untuk meneruskan kehidupan.

Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan telah mendapat satu peningkatan terutamanya dalam aspek identiti, perancangan, membuat keputusan, perwakilan jantina dan kebudayaan (Abdul Halim, 2017). Penglibatan komuniti di tapak arkeologi dilihat penting bagi membantu memelihara keharmonian tapak atau keselamatan kawasan tapak arkeologi dari diterokai oleh individu yang tidak bertanggungjawab. Hal ini kerana, komuniti setempat adalah individu yang mahir dengan kawasan setempat dan kemahiran mereka dapat membantu dari segi

keselamatan. Selain itu, dengan penglibatan komuniti dapat meningkatkan pengetahuan komuniti tentang sejarah tapak arkeologi ini. Dengan melibatkan komuniti dalam hal ini dapat memberi kesedaran kepada mereka bahawa kawasan tempat tinggal mereka mempunyai nilai sejarah yang berharga. Oleh itu, kesedaran dapat memupuk rasa kecintaan masyarakat terhadap kawasan Lembah Bujang. Akhir sekali, mereka juga dapat menghayati peristiwa-peristiwa yang berlaku di kawasan tersebut apabila melihat koleksi-koleksi artifak yang ditemui.

Penglibatan komuniti membantu pengurusan tapak arkeologi dengan baik. Dengan adanya komuniti setermpat pengurusan akan menjadi lebih baik dan kerjasama dari komuniti memudahkan proses pengurusan tapak ini. Penglibatan komuniti dapat membantu dari segi penglibatan orang luar. Penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi ini dilihat secara tidak langsung bertindak sebagai agen promosi. Justeru itu, hal ini dapat meningkatkan penyertaan dari pihak luar. Sekaligus, hal ini dapat menyumbangkan dana kepada pengurusan tapak ini serta mendapat sokongan moral dari pihak luar. Penglibatan tidak tanya diperlukan dalam bentuk fizikal malah dalam bentuk sokongan moral (Kalsom Kayat, 2006).

1.1 Latar Belakang Kajian

Kerajaan Kedah Tua diasaskan pada abad ke-2 Masihi dan pada abad ke-5 Masihi kerajaan Melayu Lembah Bujang telah diasaskan dan berpusat di Sungai Mas (Abdullah, 2016). Hal ini dibuktikan melalui beberapa penemuan inskripsi yang bertarikh antara abad ke-3 hingga 14 masihi. Oleh kerana lokasinya yang strategik, menjadikan Lembah Bujang sebagai Pelabuhan utama para pedagang untuk berlabuh sama ada atas urusan urus niaga ataupun membaiki kapal. Gunung Jerai dikatakan dapat dilihat sejauh 100 kilometer dari selat melaka, dijadikan sebagai petunjuk oleh para

pedangan untuk berlabuh dan ini memudahkan pedagang mengenalpasti kawasan Pelabuhan. Kedudukannya yang strategik dan tidak jauh dari pintu masuk utama bagi Wilayah Utama iaitu Pulau Pinang merupakan satu kelebihan (Abdullah, 2016). Kawasan Lembah Bujang merangkumi Gunung Jerai, Yan, Kuala Muda, Kulim dan Seberang Perai yang terdiri daripada 3 ciri utama geografi. Anataranya, bukit-bukau, gunung-ganang, lembah sungai Muda dan sungai Merbok serta Kawasan pantai.

Sungai Batu dari cerita rakyat menceritakan kawasan Sungai Batu ini telah diteroka oleh Tok Naim yang berasal dari Siam. Beliau datang ke Kedah hanya dengan menaiki rakit bersama dua orang suadara kandungnya. Kawasan sungai batu ini hanya dihuni oleh mereka bertiga. Kerana Sungai Batu ini dahulunya hutan belantara, maka penduduk sekitar tidak berani untuk menetap di sini. Tok Naim dikatakan mengambil upah menjaga kapal-kapal yang berlabuh dikawasan Sungai Batu ini. Oleh kerana sungai di kawasan ini terdapat banyak batu di dalamnya maka tempat ini dinamakan sebagai Sungai Batu. Batu-batu tersebut adalah hasil proses semula jadi yang dihanyutkan oleh arus sungai dari puncak Gunung Jerai hingga ke kawasan Hilir iaitu Sungai Batu (Mahani, 2015). Kajian geofizik telah dijalankan di kawasan ini dan menjumpai sebatang sungai kuno yang dikenali sebagai Sungai Batu. Sungai ini merupakan anak Sungai Merbok. Dengan kelebaran 100 meter dan kedalaman yang mencapai 30 meter, membolehkan sebuah kapal memudikinya. Hal ini secara tidak langsung membuktikan Sungai Batu adalah salah satu daripada kawasan pelabuhan entrepot seawal kurun pertama masihhi (Mahani, 2015)

Lembah Bujang sememangnya kaya dengan khazanah semulajadi dan dikategorikan sebagai tapak warisan bersejarah di negeri Kedah. Hal ini membuktikan kewujudan kerajaan Kedah Tua. Menurut Adi Haji Taha (1991), nama Lembah Bujang mula digunakan secara meluas semenjak tahun 1970-an sehingga Jabatan Muzium dan

Antikuiti (kini Jabatan Muzium Negara) membataskan wilayahnya kepada 144 batu persegi, dengan pembatasan Bukit Choras di bahagian utara, Batasan Sungai Muda di selatan, Selat Melaka di bahagian Timur dan Lebuhraya Utara-Selatan di bahagian Barat. Tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang merupakan tapak pengumpulan dan penyelidikan khazanah lama yang membuktikan kewujudan pusat perdagangan antarabangsa dan perkembangan agama Hindu Buddha di Asia Tenggara pada kurun ke 3 hingga kurun ke 12 masihi. Penemuan tapak candi yang ditinggalkan merupakan bukti perkembangan agama Hindu Buddha di kawasan ini (Mohd Hasfarisham,2014). Selain itu, Lembah Bujang juga dikenali dengan pelbagai nama. Para pedagang dari India menggelar Kedah dengan “Kalagam” dan “Kadaram”. Manakala, pedangang dari Timur pula menggelarkan Kedah sebagai “Qalha” atau “Kalah”. Selain itu, menurut catatan I-Tsing (Yijng,635, Sami semasa Dinasti Tang) China, Kedah disebut sebagai Cheh-Cha. Hal ini menunjukkan bahawa suatu masa dahulu Kedah telah pun melalui proses pembangunan yang pesat melalui aktiviti perdagangan entreport.

Lembah Bujang diiktiraf sebagai tapak tamadun manusia tertua di Asia Tenggara. Penemuan empat hingga tujuh kapal dagang dengan anggaran 100 kaki panjangnya dan telah berusia lebih 2,500 tahun yang telah tertanam dan karam didasar tasik tapak tersebut. Pengiktirafan ini diberikan oleh Profesor Stephen Oppenheimer dari University Oxford kepada Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia, Profesor Datuk Mokhtar Saidin. Pengiktirafan ini juga diperakui oleh pakar arkeologi yang mewakili lima tamadun utama dunia iaitu Mesopotamia, Indus, Mesoamerica, China dan Greek-Rom (Bernama, 2016). Penemuan lebih dua juta “tuyere” atau corong udara yang merupakan peralatan penting dalam industri kuno melebur besi. *Tuyere* adalah corong udara untuk membekalkan oksigen semasa proses peleburan (Suchitta, 1983). Salur angin di bahagian tengah

tuyere ini merupakan laluan masuk udara bagi membantu meningkatkan tekanan suhu di dalam relau. Dalam catatan Al-Kindi dan Al-Biruni, menceritakan tentang kualiti besi yang dihasilkan oleh Kalah (Kedah Tua), yang merupakan antara tiga besi terbaik di dunia selain Yemen dan Hindi pada Ketika itu (Hoyland & Gilmour, 2006). Hal ini membuktikan masyarakat Lembah Bujang sudah mempunyai kemahiran dan teknologi melebur besi serta mengesport jongkong besi pada 788 sebelum masihi. “Bidang arkeologi merupakan bidng ilmu yang memupuk rasa cinta dan bangga dengan tanahair kerana penemuan khazanah artifak yang unik dan tidak ternilai harganya.” (Profesor Dr.Nor Azazi Zakaria).

Menurut Profesor Dr.Nor Azazi Zakaria, bidang arkeologi merupakan salah satu bidang ilmu yang memupuk rasa cinta dan bangga dengan tanah air. Hal ini kerana, terdapat banyak penemuan khazanah artifak yang unik dan tidak ternilai harganya melalui ekskavasi di tapak arkeologi. Penemuan-penemuan di tapak arkeologi adalah merupakan antara aset sesuatu tempat yang menjadi bukti sejarah tempat tersebut. Melalui bidang arkeologi ini dapat membantu masyarakat selaku komuniti untuk lebih mengenali tempat mereka.

1.2 Permasalahan Kajian

Menurut Uma Sekaran (2000), masalah ialah sebarang situasi di mana wujud jurang antara keadaan sebenar dan keadaan ideal. Pelbagai persoalan pasti timbul ketika proses penyelidikan. Antaranya,usaha memperkenalkan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini kepada masyarakat setempat. Tapak warisan adalah milik komuniti, masyarakat setempat untuk mengetahui sejarah mereka dan penerimaan komuniti tentang sejarah tersebut. Hal ini, akan menetukan tentang sejauh mana mereka sedar mengenai kewujudan tapak arkeologi ini dan asal usul mereka.

Tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini boleh menjadi tapak bersejarah yang penting dan dikenali jika diuruskan dengan betul dan mendapat kerjasama dari masyarakat setempat sebagai pihak yang berkepentingan dalam proses menjaga dan mengekalkan kebudayaan setempat. Di tapak arkeologi ini, semua proses penyelidikan dijalankan dan para pengunjung boleh melihat artifak-artifak lama yang ditemukan sekaligus, meningkatkan pengetahuan mengenai sejarah silam negeri Kedah. Bukan itu sahaja, hal ini juga dapat menarik perhatian ramai pihak melabur dalam penyelidikan ini. Menurut Nur Dini Mohd Noh (2021), untuk meneruskan projek penyelidikan dan pemuliharaan tapak arkeologi ini memerlukan peruntukan yang besar untuk menjadikan kawasan ini sebagai produk arkeopelancongan terkemuka. Tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini perlu bersaing dengan tapak-tapak arkeologi lain yang telah lama ditemui dan sistem pengurusan akan menjadi lebih baik dengan kerjasama komuniti. Namun, jika tapak ini diuruskan dengan baik, tidak mustahil tapak ini dapat berdiri seiring dengan tapak-tapak bersejarah yang lain. Di tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini terdapat banyak penemuan artifak lama. Penemuan-penemuan seperti ini akan menambahkan lagi rasa ingin pelancong untuk datang melawat ke tapak arkeologi ini. Antara khazanah berharga yang ditemui ialah Kawasan peleburan besi, pelabuhan kapal dagangan dan kawasan pentadbiran pelabuhan kuno.

Pakar arkeologi dari Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) Universiti Sains Malaysia (USM) Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin, beliau berkata, kerja ekskavasi telah dijalankan sejak 2009 yang melibatkan 52 tapak daripada 97 tapak penemuan termasuk monument penyembahan, jeti atau tapak pelabuhan, pentadbiran pelabuhan dan bengkel peleburan besi. Penemuan-penemuan ini akan menggalakkan penglibatan daripada orang luar untuk datang melawat ke tapak bagi menambah ilmu berkaitan

dengan perkembangan teknologi zaman dahulu serta perkembangan ekonomi masyarakat di Lembah Bujang. Pendidikan adalah bahagian yang penting dalam tujuan mendidik komuniti tentang identiti bangsa Melayu. Pihak pengurusan tapak berperanan penting dalam merancang aktiviti bagi menarik perhatian komuniti setempat untuk berkunjung ke tapak arkeologi ini. Meskipun bukan dalam bidang pendidikan, tetapi bagi menarik ramai pihak untuk hadir ke tapak ini pihak pengurusan perlulah lebih kreatif dalam merancang aktiviti. Hal ini dapat mengeratkan perhubungan antara pihak pengurusan tapak arkeologi dan komuniti setempat. Dengan aktiviti-aktiviti yang meriah dan membawa manfaat ini dapat mengubah persepsi masyarakat bahawa tapak arkeologi ini tempat yang menakutkan dan membosankan.

1.3 Persoalan Kajian

Menurut seorang aktivis sejarah dalam temu ramah beliau untuk akhbar Utusan Malaysia Nur Daini Mohd Noh (2021), penyelidikan di tapak ini mungkin akan dihentikan kerana kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri yang sepatutnya menguruskan pengurusan tapak ini tidak mengambil serius dalam usaha mengangkat tapak ini. Bagi menjawab objektif kajian berikut tentang tapak arkeologi ini. Antara persoalan yang timbul adalah :


- 1) Siapakah yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang?
- 2) Bagaimanakah penglibatan komuniti boleh mempengaruhi pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang?
- 3) Bagaimanakah langkah-langkah melestarikan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang?

1.4 Objektif Kajian

- 1) Mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.
- 2) Mengkaji tahap penglibat kemuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.
- 3) Menganalisis langkah melestarikan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.

1.5 Skop Kajian

Peta lokasi Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.



Rajah 1.1: Peta Lokasi Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang

Sumber : Google Maps (Google,n.d)

Rajah 1.1 di atas menunjukkan lokasi tapak kajian, Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Tumpuan penyelidikan ini adalah penglibatan komuniti di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini dahulunya dikatakan merupakan sebuah Pelabuhan yang terbesar di Tanah Melayu. Pemilihan tapak ini sebagai tapak penyelidikan adalah kerana lokasi tapak penyelidikan ini dilihat sesuai dengan penyelidikan yang dijalakan oleh pengkaji.

Kedudukan tapak yang hampir dengan perumahan penduduk di kawasan ini memudahkan kajian dijalankan. Tapak ini dikenali sebagai Tapak Arkeologi Sungai Batu, Lembah Bujang. Tapak ini dikenali sebagai Sungai Batu kerana tapak ini berdekatan dengan sungai. Keistimewaan Lembah Bujang adalah pada tahun 1980 kawasan ini digelar Taman sejarah Negara oleh kerajaan Negeri Kedah. Kawasan yang termasuk adalah Kampung Pengkalan Bujang hingga ke Bukit Batu Pahat (Adi Taha, 1998).

Skop kajian penyelidikan ini adalah untuk mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang seperti komuniti setempat dan pihak berkuasa. Selain itu, untuk mengkaji tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang dan menganalisis langkah melestarikan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberi manfaat dari sudut menambah ilmu berkenaan dengan pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Berikut merupakan kepentingan kajian ini dijalankan :

Dalam konteks individu, apabila kajian ini dijalankan dapat menggalakkan rasa dalam diri untuk lebih menghayati sejarah tamadun lama didalam negara. Selain itu, bagi memupuk perasaan lebih menghargai warisan dahulu. Apabila rasa menghargai warisan itu dipupuk dari usia muda, maka tiadalah masalah tapak warisan dirosakkan. Seterusnya, dengan lawatan ke tapak ini akan menimbulkan rasa ingin tahu mengenai sejarah yang terdapat di tapak kajian ini. Dengan melihat artifak-artifak yang dipamerkan akan menimbulkan rasa teruja untuk mengetahui lebih lanjut mengenai tapak arkeologi ini.

Di samping itu, bagi pihak masyarakat akan lebih peka tentang kewujudan tapak arkeologi ini. Pengetahuan masyarakat tentang kewujudan tapak kajian ini adalah penting. Hal ini kerana, bagi memudah kolaborasi pihak pengurusan dengan masyarakat setempat. Manakala, penglibatan komuniti di tapak kajian ini akan meningkat bagi membantu pengurusan tapak.

Institusi Pendidikan juga mendapat manfaat dengan kewujudan tapak ini. Tapak ini menjadi tempat menambah ilmu pengetahuan. Dengan melawat tapak-tapak bersejarah seperti tapak arkeologi ini secara tidak langsung dapat menambah ilmu berkenaan sejarah sesebuah tempat. Dari lawatan tersebut dapat diketahui mengenai latar belakang penubuhan sesebuah kerajaan pemerintahan dahulu kala. Selain itu, dapat juga dikenalpasti asal usul masyarakat terdahulu dan agama yang dianuti oleh mereka.

1.7 Penutup

Kajian ini memfokuskan kepada pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Bagaimana tapak ini diuruskan oleh pihak pengurusan dan bagaimana pihak pengurusan menguruskan artifak agar tidak rosak. Kajian ini juga adalah memberikan pendedahan kepada masyarakat bahawa tapak arkeologi bukanlah hanya tempat untuk cari gali bahan sejarah, tetapi juga boleh dijadikan sebagai tapak pelancongan.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.0 Pengenalan

Sorotan kajian lepas adalah penting dalam kajian yang berkaitan sejarah. Tujuan sorotan kajian lepas adalah untuk meninjau sejauhmana kajian dalam bidang ini telah ditulis oleh para pengkaji lain. Sorotan kajian lepas merupakan gambaran kepada latar belakang kajian kita. Pemilihan sorotan kajian mestilah mempunyai persamaan dalam kajian yang dijalankan. Hal ini kerana, dapat membantu dalam kajian yang baru dan tidak berlaku persamaan dalam mana-mana kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji dahulu (Siti Nur ‘Aliah, 2022). Di samping itu, pengkaji juga dapat mengetahui objektif dan kaedah metodologi yang digunakan dalam kajian terdahulu.

Sorotan kajian lepas dalam bab dua ini menjelaskan pelbagai kajian yang dilakukan pengkaji untuk menilai kesamaan dan permasalahan yang terdapat dalam kajian lepas untuk dijadikan panduan dalam kajian ini. Sorotan kajian lepas membantu pengkaji untuk mentafsir hasil penulisan pengkaji lain dan permasalahan yang bakal dikaji. Secara umumnya, sorotan kajian ini adalah rujukan dari segala bahan bertulis yang ilmiah, sama ada bersifat teoterikal atau empirikal. Bukan itu sahaja, ia juga merupakan sorotan ke atas bahan bacaan yang telah dibaca seperti jurnal, artikel, kertas seminar dan rujukan kepada bahan-bahan bertulis yang mengandungi hasil penyelidikan lepas tentang kajian yang dijalankan (Ibrahim Mohamad, 2022).

Dalam bab ini akan membincangkan tentang komuniti dan bagaimana pengurusan tapak arkeologi ini menguruskan tapak ini. Penglibatan komuniti di tapak arkeologi dilihat sebagai pemangkin kepada keterlibatan komuniti dalam bidang pengurusan tapak arkeologi. Menurut Tousun (2000), penglibatan komuniti adalah

sebagai salah satu tindakan sukarela yang dijalankan oleh individu yang mengambil peluang untuk memikul tanggungjawab kemasyarakatan. Apabila tapak ini dipelihara dan diuruskan dengan baik, maka akan memberi keuntungan kepada pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan tapak arkeologi ini sendiri serta generasi akan datang. Hal ini demikian kerana, mereka dapat mempelajari berkenaan sejarah tapak ini dan mendidik mereka agar lebih menghargai warisan negara.

2.1 Maksud Tapak Warisan

Tapak Warisan Dunia merupakan sesuatu yang mengandungi nilai sejarah yang tinggi dan diwarisi daripada generasi-generasi terdahulu. Selain itu, ia juga merujuk kepada sesuatu tempat yang mempunyai ciri-ciri budaya atau fizikal yang unik. (Kempen Warisan Lenggong, 2022). Terdapat lebih 900 tapak warisan diseluruh dunia yang telah diiktiraf oleh UNESCO. Kini terdapat empat buah tapak warisan di Malaysia yang diiktiraf oleh UNESCO. Antaranya, Taman Negara Mulu, Taman Kinabalu, Melaka dan Georgetown dan Lembah Lenggong. Warisan adalah warisan budaya yang kita terapkan dalam kehidupan dari masa lalu. Warisan budaya yang kita amalkan ini akan kita warisakna pada generasi yang akan datang (Nicolas R.I, 2021). Definisi tapak menurut ICOMOS merupakan karya manusia atau gabungan karya alam dan manusia dan kawasan termasuk tapak arkeologi yang mempunyai nilai universal yang luar biasa dari sudut sejarah, estetika, etnologi atau antropologi (ICOMOS, 2022). Manakala, maksud tapak menurut Akta Warisan Kebangsaan ialah mana-mana kawasan, zon, warisan semula jadi, monumen atau bangunan yang melekat pada tanah, rizab arkeologi dan mana-mana tanah dengan bangunan, taman, pokok atau rizab arkeologi (Akta Warisan Kebangsaan, 2005). Arkeologi dalam Bahasa Yunani bermaksud kajian terhadap barang lama. Menurut Hamid Mohd Isa, arkeologi moden hari ini mempunyai tiga matlamat utama iaitu, mengkaji sejarah budaya manusia, membina semula cara hidup

manusia dan menerangkan setiap perubahan budaya manusia. Arkeologi adalah satu bidang yang bersifat multi disiplin yang mengkaji dan membina semula corak kehidupan dan tingkah laku manusia silam berdasarkan kepada tinggalan budaya kebendaan yang dianalisis melalui kaedah saintifik dan sins sosial.

2.2 Tapak Warisan di Malaysia

Pemilihan Tapak Warisan Dunia tertaluk dibawah Program Warisan Dunia Antarabangsa UNESCO yang dikendalikan jawatankuasa Warisan Dunia. Program ini ditadbir oleh Komuniti Warisan Dunia UNESCO yang terdiri daripada 21 buah negara termasuklah Malaysia. Terdapat lebih 900 tempat di seluruh dunia yang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia. Malaysia kini mempunyai empat Tapak Warisan Dunia. Negara kita boleh diletakkan sebaris dengan negara-negara lain yang menerima pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia. Terdapat enpat Tapak Warisan Dunia Taman Negara Mulu, Taman Kinabalu, Melaka dan Georgetown dan Lembah Lenggong (Kempen Warisan Lenggong, 2022). Tapak-tapak arkeologi ini mempunyai nilai sejarahnya yang tinggi di mana tapak-tapak ini dapat mendedahkan kita dengan tinggalan nenek moyang kita mengenai cara hidup masyarakat prasejarah di Malaysia secara keseluruhannya iaitu samada melibatkan zaman paleolitik, Neolitik, zaman logam dan protosejarah (Farhana Abdullah, 2016).

Program ini bertujuan mengumpul, menyenarai, menama dan mengabadikan tapak-tapak ulung Warisan budaya atau warisan semula jadi penting demi warisan sejagat. Tapak-tapak warisan mendapatkan dana daripada Dana Warisan Dunia mengikut syarat tertentu. Program ini ditubuhkan di bawah pengawasan Konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia yang memdapat persetujuan dari persidangan Am UNESCO pada 16 November 1972. Terdapat lebih dari 80 buah negara

yang telah meratifikasi atau mengesahkan konvensyen Perlindungan Warisan Budaya dan Semula Jadi Dunia. Sehingga tahun 2006, sebanyak 830 tapak telah disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia. Antaranya, 644 tapak bagi kebudayaan, 162 tapak bagi Kawasan semula jadi dan 24 tapak bagi ciri bercampur.

Terdapat tiga jenis tapak warisan iaitu budaya, semula jadi dan campuran. Tapak warisan budaya adalah termasuk bangunan bersejarah, tapak bandar, tapak arkeologi penting dan karya arca atau lukisan monumen yang ditemui di tapak-tapak bersejarah. Selain itu, tapak warisan semula jadi pula adalah berfokus kepada kawasan semula jadi yang mempunyai jumpaan artifak semula jadi atau mempunyai tinggalan yang mengalami proses geologi. Sebagai contoh tapak yang mengalami proses evolusi ekologi dan biologi berterusan, kawasan yang mengalami fenomena semula jadi yang jarang berlaku, unik, superlative atau keindahan yang luar biasa. Bukan itu sahaja, tapak warisan semula jadi ini juga diklasifikasikan dari habitat haiwan atau tumbuhan yang jarang atau terancam dan tapak yang mempunyai kepelbagaiian sumber biologi yang luar biasa. Seterusnya, bagi tapak warisan bercampur pula merupakan tapak yang mengandungi unsur-unsur kepentingan semula jadi dan budaya. Nisbah antara tapak budaya dan tapak semula jadi adalah kira-kira tiga berbanding satu menurut senarai Warisan Dunia. Senarai tapak Warisan Dunia bertambah pada pertengahan tahun setiap tahun (Britannica, 2022).

Menurut Namri Sidek (2018), terdapat 1073 lokasi tapak warisan dunia yang telah digazetkan. Untuk menamakan lokasi atau tapak sebagai tapak warisan dunia perlulah memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh UNESCO. Menurut beliau lagi, dari 1073 tapak warisan di dunia, empat daripadanya merupakan tapak warisan di Malaysia. Antaranya, Lembah Lenggong, Perak yang telah diwartakan pada tahun 2012 sebagai tapak warisan dunia. Penemuan ‘Perak Man’ pada tahun 1991 dan ‘Wanita

perak' pada tahun 2004. Tapak warisan Lembah Lenggong dikatakan mempunyai kira-kira empat tapak arkeologi yang dianggarkan berusia lebih 2 juta tahun. Lembah Lenggong dianggap sebagai salah satu tapak arkeologi paling berharga di Semenanjung Malaysia (Affiq, 2021). Tapak warisan dunia di Malaysia yang kedua ialah Gua Mulu di Sarawak. Tapak ini terletak dalam kawasan Taman Negara, Gunung Mulu. Ketinggian Gunung Mulu yang mencapai 2736 meter menyimpan sejarah berusia 1.5 juta tahun. Tapak ini mempunyai gua yang terbesar di dunia yang dikenali sebagai 'Sarawak Chambers' atau 'Ruang Sarawak'. Gua ini dianggarkan boleh menyimpan 40 buah pesawat besar didalamnya (Namri Sidek, 2018). Tambah beliau lagi Gunung mulu ini dikenali dengan kepelbagaian formasi batu kapur yang unik dengan anggaran kira-kira 3500 spesis tumbuhan hidup di dalamnya. Gunung Mulu ini diisytiharkan sebagai tapak Warisan Dunia pada tahun 2000.

Seterusnya, tapak yang ketiga ialah Taman Kinabalu. Taman Negara Kinabalu terletak di Negeri Sabah hujung utara Borneo. Tapak ini diwartakan pada tahun 2000 dan diisytiharkan sebagai salah satu 'Centre of Plant Diversity' kerana mempunyai lebih separuh sepsis tumbuhan unik seperti Himalaya, China, Australia dan tumbuhan pantropika di seluruh kepulauan Borneo. Tapak warisan keempat ialah Bandaraya Melaka dan Georgetown. Kedua bandar bersejarah melalui proses pembangunan sepanjang 500 tahun dan menyebabkan percampuran banyak elemen luar yang diadun dengan elemen pembangunan tempatan (Namri Sidek, 2018). Gabungan senibina Asia dan Eropah menyerlahkan lagi identiti masyarakat Malaysia yang hidup secara majmuk. Tapak ini diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia serentak pada tahun 2008. Pengaruh Asia dan Eropah memberi kesan kepada pembangunan bandar-bandar warisan dan pengaruh kepelbagaian budaya seperti pembinaan gereja, kubu pemerintahan dan penerapan seni budaya luar dalam perkembangan muzik dan seni tarian (Affiq, 2021).

2.3 Pemuliharaan Tapak Warisan

Kebanyakkan di negara maju, objek warisan dan tapak warisan telah musnah akibat perperangan dan pembangunan yang pesat (Ibrahim Komoo, 2020). Tinggalan sejarah yang selamat dibaik pulih dan dipulihara sebagai monument dan dijaga dengan ketat. Pembangunan fizikal yang agresif akan memberi kesan yang tidak baik terhadap warisan tinggalan orang terdahulu. Oleh yang demikian bagi memelihara warisan-warisan yang berharga ini pihak-pihak bertanggungjawab perlulah mengambil langkah yang lebih proaktif bagi menjaga warisan yang tidak ternilai ini. Penguatkuasaan undung-undang berkaitan dengan warisan perlu diberi perhatian bagi mengelakkan berlakunya pencerobohan terhadap warisan yang hendak dipelihara. Pihak kerajaan merupakan antara pihak yang berkepentingan dalam memelihara warisan negara. Dalam pembangunan negara yang kian pesat ini, pihak kerajaan perlulah lebih bertegas dalam memastikan pematuhan akta perundangan yang digubal agar lebih berkesan. Justeru itu, dengan pembangunan yang terkawal dapat menyumbang dan menjana dana kepada negara (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2013). Hal ini kerana, warisan negara akan menjadi salah satu tarikan pelancong ke negara kita.

Pemeliharaan membawa pengertian yang lebih mendalam lagi dari hanya melihat peranan menjadi sumber tarikan pelancong (Jabatan Perancangan Bandar, 2022)

“satu-satunya sebab yang penting untuk memelihara tempat adalah kerana tempat itu mengandungi maklumat-maklumat yang tidak boleh dirakam oleh risalah-risalah, gambar-gambar foto, lukisan, filem atau video. Tidak kira bagaimana cekap sekalipun tempat itu boleh digambarkan melalui filem atau bagaimana menariknya ianya diterangkan melalui media-media lain, tidak ada gantinya bagi sesuatu pengalaman yang dirasakan apabila menghayati tempat secara dengan sebenarnya”.

(Marquis-Kyle et al, 1992 :445)

Menurut Marquis-Kyle (1992), antara kepentingan memelihara tempat adalah kerana tempat tersebut mengandungi maklumat-maklumat yang tidak diceritakan dalam risalah-risalah seperti majalah, buku, gambar,lukisan, filem atau video. Tidak kira walau sehebat manapun teknologi video atau filem tidak akan dapat menggambarkan keindahan sesuatu tempat tanpa merasainya sendiri. Keindahan atau keistimewaan sesuatu tempat perlu dijelajahi sendiri bagi merasa pengalaman berada di tempat tersebut.

Terdapat dua istilah yang sering digunakan berulang kali dalam risalah ‘Burra Charter’. Istilah tersebut menekankan bahawa prinsip-prinsip pemeliharaan adalah ‘tempat’ dan kepentingan budaya. Secara umumnya, istilah ini menunjukkan bahawa apa sahaja yang berkait dengan tempat ia bukan hanya melibatkan monumen atau binaan sahaja tetapi ia juga mempengaruhi keseluruhan keadaan kawasan tersebut (Jabatan Perancangan Bandar, 2022). Pertalian kuat antara tempat dan kepentingan budaya tidak boleh dilihat secara berasingan. Hal ini kerana, segala perubahan yang berlaku ke atas sesuatu tempat bergantung kepada perubahan keperninan budaya. Oleh yang demikian, pemeliharaan tidak boleh hanya dilihat dari satu sudut sahaja, tetapi ia juga memerlukan pemahaman, penjagaan dan pengurusan yang berkesan ke atas kedua-duanya serentak. Justeru itu, dengan memelihara tapak warisan dapat membantu generasi akan datang dalam proses memahami masa silam serta merupakan

salah satu perkara yang paling berharga bagi mereka bagi mengekalkan adat dan budaya yang ditinggalakan. Bukan itu sahaja, dengan bantuan generasi muda ia akan merancakkan lagi usaha memelihara warisan negara. Terdapat beberapa tapak arkeologi yang sentiasa dibawah pemantauan dan ada sebahagian darinya kurang mendapat perhatian (Adnan Jusoh, 2016). Tapak yang sudah terkenal tidak perlu diberi perhatian penuh kerana kurang mendapat ancaman berbanding tapak yang belum terkenal. Oleh yang demikian, menyebabkan berlakunya pencerobohan atau kemuatan aset warisan yang juga boleh mendatangkan kerugian kepada negara. Apabila tapak kurang diberi perhatian, kecenderungan untuk tapak mengalami kemuatan adalah tinggi.

2.4 Pewartaan Tapak Warisan

Peranan Jabatan Warisan Negara adalah selaras dengan apa yang terkandung dalam Akta Warisan Kebangsaan, 2005. Antaranya, menguatkuasakan akta dan garis panduan warisan. Selain itu, mengiktiraf tapak melalui pewartaan warisan negara. Mana-mana tapak yang telah diwartakan akan berada dibawah perhatian Jabatan Warisan Negara. Pihak Jabatan Warisan Negara telah mewartakan beberapa buah tapak warisan yang melibatkan tapak arkeologi, monumen dan bangunan bersejarah di dalam negara. Daripada jumlah itu, sebanyak 8 buah tapak arkeologi telah diwartakan sebagai ‘Warisan’ di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Adnan Jusoh, 2016). Pewartaan tapak warisan merupakan salah satu cara penghormatan negara terhadap tapak tersebut. Dengan pewartaan ini tidak akan menjelaskan proses penjagaan, pentadbiran dan pemilikan tapak. Selain itu, pihak kerajaan pusat tidak akan mengambil tanah atau tapak yang mempunyai pemilik dan tapak tersebut kekal dibawal pemilik rasmi tapak tersebut. Seterusnya, sebarang cadangan kerja-kerja pemuliharaan tapak warisan mestilah dijalankan berpandukan Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP). Hal ini kerana, untuk memastikan intergriti dan keaslian tapak kekal terpelihara serta cadangan

untuk pemuliharaan tapak dapat direalisasikan. Akhir sekali, pemilik tapak boleh mengenakan yuran masuk ke tapak. Akta Warisan Kebangsaan, 2005 menjelaskan bahawa pemilik tapak boleh merujuk pada Jabatan Warisan Negara bagi mendapatkan kepastian dan nasihat bertulis berkenaan yuran masuk ke tapak. Hal ini kerana, untuk memastikan keharmonian tapak warisan serta kawasan sekitar tapak dan yuran masuk yang dikenakan tidak membebankan pelawat (Jabatan Warisan Negara, 2021).

Bagi menghalang masalah kehilangan warisan budaya, pihak kerajaan perlulah mengambil langkah berjaga-jaga iaitu dengan mewartakan satu akta warisan yang baru yang lebih berkesan. Pewartan ini akan menyelamatkan warisan ketara dan juga warisan tidak ketara. Sehubungan dengan itu, pindaan yang terkandung di dalam akta harta purba akan membantu melindungi artifak warisan. Warisan ketara yang dimiliki perlu dipertahankan dan dijaga kerana ia melambangkan jati diri dan lambing sesebuah negara (Yuszaidy Mohd Yusoff, 2011).

2.5 Keistimewaan Sungai Batu dan Lembah Bujang

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG), USM telah memulakan kajian untuk mencari bukti kewujudan tapak tamadun Lembah Bujang yang lebih awal. Menggunakan pendekatan sains, Sungai Batu, berpotensi merungkai persoalan bahawa sudah wujud sebuah kebudayaan yang lebih tua di Lembah Bujang. PPAG telah merumuskan bahawa sekitar kurun ke-13 Masihi kebanyakkan tapak sekitar Sungai Mas dan Sungai Batu masih berada di bawah paras laut atau dalam kawasan paya. Satu-satunya kawasan yang didapati sesuai untuk petempatan pada tempoh tersebut adalah kawasan Sungai Batu. Hasil ekskavasi, terdapat bukti yang menunjukkan empat fungsi tapak di Sungai Batu iaitu sebagai tapak upacara keagamaan, tapak jeti atau pelabuhan, bengkel peleburan besi dan bangunan sokongan kepada pentadbiran pelabuhan. Selain

itu, penemua sisa besi mentah seperti arang dan abu yang terhasil daripada aktiviti peleburan besi di Kompleks Sungai Batu merupakan salah satu bukti wujudnya industri peleburan besi di kawasan Sungai Batu ini.

Di Malaysia, terdapat satu lokasi yang tersimpan banyak nilai-nilai sejarah iaitu Lembah Bujang. Sebuah pekan kecil yang berada antara utara Gunung Jerai dan Selatan Sungai Muda (Kata Malaysia, 2019). Keadaan fizikal bentuk muka bumi di kawasan Lembah Bujang yang menarik meliputi Kawasan gunung ganang, hutan, sungai, paya bakau, sawah padi dan Kawasan pantai merupakan aset semulajadi daripada faktor alam yang mendamaikan dan memberi satu-satu kelebihan kepada Lembah Bujang untuk melengkapkan nilai arkeopelancongan yang bernilai tinggi berteraskan warisan, alam semulajadi serta nilai kemasyaratian yang tinggi.(Farhana Abdullah, 2016). Menurut beliau lagi, pengkalan tapak arkeologi di sekitar kawasan Lembah Bujang haruslah dirangka dengan baik dan teliti serta melibatkan pakar dalam bidang tersebut. Pendekatan atau kaedah pemuliharaan tapak arkeologi melalui pendekatan pemuliharaan merupakan salah satu langkah bagi melindungi warisan arkeologi dari sebarang kerosakan dan kerosakan secara menyeluruh. Di samping itu, adalah sangat penting untuk menjaga tapak arkeologi untuk kesinambungan tatapan generasi akan datang. Selain itu, penjagaan tapak ini juga penting untuk meningkatkan ketahanan tapak tersebut dalam masa jangka panjang. Bukan itu saja, hal ini juga dapat memanjangkan hayat warisan yang terdapat di tapak ini.

Jumpaan binaan candi di Lembah Bujang menunjukkan sejak awal abad 20 masih lagi Lembah Bujang telah menjalankan hubungan dengan beberapa negara Asia melalui aktiviti perdagangan. Penemuan candi di Lambah Bujang pada 1957 menarik perhatian pakar arkeologi terutamanya dari India untuk mengkaji berkenaan sejarah sebenar kawasan ini. Dengan penemuan tersebut telah mengesahkan kewujudan

pengaruh agama Hindu di Lembah Bujang ini dan secara tidak langsung telah menjadikan Lembah Bujang sebagai tapak tamadun agama Hindu (Kata Malaysia, 2019). Status dan potensi tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang telah diperakui oleh peserta projek Eskavasi Arkeologi dan Konservasi Lembah Bujang pada 1985. Tapak arkeologi ini juga telah diperakui oleh Malaysian Book of Records kerana berpuluhan ribu manik purba yang dijumpai di tapak ini. Lembah bujang mempunyai Kawasan hutan yang memayungi persekitaran yang indah serta nyaman. Kawasan ini mempunyai pemandangan yang cantik jika dilihat dari puncak Gunung Jerai yang menjadi mercu tanda bagi Lembah Bujang. Panorama sawah padi, air terjun semula jadi dan hutan yang kaya dengan tumbuh-tumbuhan serta haiwan-haiwan liar yang mendiami Kawasan hutan tersebut (Jabatan Muzium Malaysia, 2012). Selain itu, tarikan di Lembah Bujang ini juga adalah tinggalan sejarah di tapak cari gali seperti runtuhan candi, struktur bandar dan Pelabuhan terpendam, pecahan seramik yang berusia ratusan ribu tahun, kaca dan manik dari China, Asia Barat atau Tanah Arab, dan dari India. Penemuan patung-patung dan arca, batu bersurat serta peralatan yang berkaitan dengan masyarakat kuno (Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, 2022).

2.6 Pengurusan Tapak

Dalam mana-mana sistem kemasyarakatan pun, pengurusan sememangnya merupakan ciri yang amat dominan bagi menentukan keupayaan anggota sesebuah masyarakat dalam menentukan tamadun dan sosio-ekonomi mereka. Seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat itu perlu mempunyai ciri-ciri kepengurusan tersendiri yang menjadikannya berpengaruh dan dicontohi oleh kelompok masyarakat yang lain pula (Dr.Muhammadul Bakri H.Y, et.al, 2009). Pengurusan koleksi adalah salah satu aspek penting dalam sesebuah muzium kerana tanpa pengurusan yang baik sudah tentu koleksi yang dimiliki mengalami kemusnahan. (Norsimah Lakassa, 2007). Hal ini kerana, untuk

mengekalkan keadaan asal sesebuah bangunan dan tapak tanah warisan seperti mana yang asal dan ini adalah salah satu usaha bagi memanjangkan hayat bangunan atau artifak supaya kekal untuk tatapan generasi akan datang, Pendekatan pemuliharaan didalam garis panduan ini merupakan tafsiran yang dirujuk dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) Bahagian 1, sekyen 2. Melindungi memfokus kepada pengenalpastian, perlindungan, pemuliharaan, pemberikpulihan, perngubahahlokan, penyenggaraan, pendokumenan dan penggiatan semua perkara, artifak, kawasan bersejarah, tradisional dan persekitarannya (Jabatan Warisan Negara, 2012).

Bangunan dan tapak bersejarah yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan kebangsaan adalah termaktub dibawah peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Oleh itu, sebarang cadangan pembangunan mestilah melalui permohonan kebenaran Pesuruhjaya Warisan. Prinsip pemuliharaan yang diaplikasi dalam kerja-kerja pemuliharaan di Malaysia adalah berpandukan Akta Warisan Kebangsaan 2005(Akta 645) dan juga merujuk kepada prinsip pemuliharaan bangunan warisan sebagaimana terkandung dalam piagam dan garis panduan antarabangsa seperti UNESCO dan ICOMOS. Antara prinsip pemuliharaan bangunan bersejarah secara umum yang disenaraikan adalah menghormati kualiti tempat, mengutamakan bahan yang asal dan keaslian kerja tangan dan pengubahsuaian yang paling minima ke atas fabrik bangunan. Selain itu, meminimakan risiko ke atas kehilangan bahagian-bahagian yang penting dan kerosakan yang tidak menentu semasa ujian ke atas bahan binaan juga antara prinsip pemuliharaan yang disenaraikan (Jabatan Warisan Negara, 2012). Seterusnya, terdapat beberapa etika utama yang perlu diterapkan dalam kerja-kerja pemuliharaan iaitu, merekod keadaan bangunan sebelum melakukan apa-apa kerja ke atas banguna tersebut, tidak memusnahkan, diganti atau dialihkan apa-apa buktisejarah

yang ditemui dan merekodkan segala kaedah dan bahan yang digunakan dalam kerja-kerja pemuliharaan.

Kerja-kerja pemuliharaan haruslah dikendalikan dan diuruskan oleh mereka yang mempunyai kelayakan teknikal dan pengalaman profesional dalam pemuliharaan bangunan warisan. ICOMOS telah menetapkan panduan skop tugas seorang konservator antaranya adalah memahami sejarah dan teknologi monumen atau tapak bagi memudahkan pengenalpastian identiti, merancang pemuliharaan dan interpretasi hasil penyelidikan. Selain itu, konsevator perlulah memahami perletakan monumen, bangunan atau tapak, kandungan dan persekitaran yang berkaitan dengan bangunan atau landskap (Jabatan Warisan Negara, 2012).

2.7 Komuniti

Menurut kamus Dewan (2007), komuniti adalah kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat (di sesuatu tempat atau negara), orang ramai umumnya, 2 kumpulan individu yang mempunyai sifat-sifat (kecenderungan, kepentingan, dll) yang serupa. Azhar Abdul Ghani dalam kajian beliau mentakrifkan komuniti sebagai sekumpulan kecil manusi yang tinggal di suatu pertempatan yang mengamalkan suatu tahap autonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan. Tambah beliau lagi, komuniti merupakan sekumpulan individu yang mendiami satu kawasan geografi, berinteraksi sesama mereka dalam satu jangka masa yang lama sehingga membentuk satu ikatan atau perhubungan bersama. Komuniti yang sejahtera merupakan sebuah komuniti yang dapat meneruskan kehidupan merentas generasi di mana generasi pertama merasa selesa, selamat dan sesuai meneruskan kehidupan dan memupuk

kehidupan generasi seterusnya. Sebuah komuniti sejahtera dapat menangani pelbagai masalah yang menimpanya dari dalam dan luar. Komuniti itu mempunyai penglibatan maksimum dalam menentukan hala tuju dan keadaan setempat (Abdul Samad Hadi, 2004).

Menurut Ibrahim Komoo (2019), komuniti perlu didedahkan kepada nilai warisan setempat melalui pendidikan dan pembangunan keupayaan. Apabila penghayatan mengenai kepentingan dan faedah sumber warisan meningkat, dijangka komuniti tempatan akan terpanggil untuk menjayakan pembangunan sumber istimewa ini dan akhirnya bersedia mengambil peranan sebagai pemimpin untuk menjayakan pelbagai aktiviti geopark. Selain itu, beliau juga berpendapat, proses Pendidikan awam dan pembinaan keupayaan perlu dilaksanakan secara berterusan. Pendidikan awam perlu bersifat menyeluruh meliputi semua pihak berkepentingan terutamanya komuniti setempat dan agensi pelasana. Usaha begini dapat meningkatkan pengetahuan dan penghayatan mengenai nilai dan warisan yang dimiliki oleh semua pihak secara bersama sehingga dapat meningkatkan sifat kesepunyaan, yang akhirnya mampu memperkasa komuniti tempatan untuk mengambil tindakan proaktif bagi menjayakan usaha pemuliharaan warisan seimbang dengan aktiviti pembangunan sosioekonomi tempatan.

Menurut Kalsom Kayat (2006), dalam kajian beliau penglibatan ahli komuniti di dalam apa juga program pembangunan, termasuk program pembangunan pelancongan, merupakan pemacu dalam usaha mencapai kelestarian pembangunan. Beliau juga berpendapat penglibatan ahli komuniti dalam program yang dirangka untuk pembangunan komuniti berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan terhadap program *homestay* di Kedah. Menurut Tonsun (2000), penglibatan komuniti merupakan satu bentuk tindakan sukarela bagi individu mengambil peluang dan memikul

tanggungjawab kemasyarakatan. Penglibatan komuniti adalah satu proses di mana masyarakat bekerjasama dengan penggerak pembangunan dan melibatkan diri dalam usaha pembangunan yang akhirnya akan memberi kesan terhadap keadaan dan taraf hidup mereka sendiri.

Halina Hashim (2017), membincangkan isu penglibatan komuniti dengan memfokus kepada penglibatan komuniti dalam pelaksanaan program Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) di Sarawak. PDD merupakan strategi pembangunan luar bandar yang bertujuan mewujudkan sebuah petempatan desa mampan yang dilengkapi dengan komponen-komponen infrakstruktur, ekonomi, pusat perkhidmatan dan pembangunan manusia. Penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan secara kolaboratif dengan pihak berkepentingan adalah penting kerana berpontensi mengubah nilai tapak, amalan dan tingkah laku keseluruhan pihal ke arah kelestarian tapak kajian (Sharina Abdul Halim, 2017). Bentuk penglibatan komuniti terbahagi kepada dua bentuk iaitu ketara atau nyata (*tangible*) dan bentuk tak ketara atau tak nyata (*intangible*), Solihah Mustafa (2015). Merurut pengkaji ini lagi, bentuk penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan bandar masih kurang dan perlu dipertingkatkan lagi penglibatan komuniti dalam program pemuliharaan ini.

Konsep Geopark menggalakkan tiga komponen utama iaitu pemuliharaan sumber warisan, penyediaan infrastruktur pelancongan dan pembangunan sosioekonomi tempatan. Memulihara warisan adalah penting kerana ia mencerminkan dan membina identiti setempat. Hal ini, sekaligus membantu dalam menggalakkan pengekalan bahan jumpaan sedia ada. Konsep geopark menggalakkan tiga komponen utama iaitu pemuliharaan sumber warisan, penyediaan infrastruktur pelancongan dan pembangunan sosioekonomi tempatan. Penglibatan komuniti tempatan adalah penting untuk kejayaan pelaksanaan Geopark. Penglibatan komuniti secara kolaboratif dengan

pihak berkepentingan adalah penting kerana berpotensi bagi mengubah nilai, amalan dan tingkah laku serta penerimaan komuniti terhadap perubahan berlaku. Namun begitu, istilah penglibatan komuniti tempatan dipertikai kerana tidak mencerminkan sejauh mana penglibatan komuniti dalam proses pemeliharaan (Sharina Abdul Halim, 2017). Adalah penting untuk memastikan penyertaan pihak berkepentingan sepanjang proses pembangunan geopark dari proses mereka bentuk, melaksana dan pemantauan geopark. Perkembangan alat penyelidikan yang berkait dengan pendidikan awam dan pemuliharaan warisan adalah penting bagi memahami kehidupan masyarakat dunia (Sharina Abdul Halim, 2017).


Pengekalan dan perlindungan hak komuniti, tapak warisan dan hak ekonomi di Turkey menjadi salah satu isu bagi komuniti setempat untuk memperjuangkan hak mereka. Kepentingan sejarah manusia dan bahan warisan telah diiktiraf dalam perjanjian piagam Venice. Mempunyai warisan khusus dan tapak arkeologi yang telah disenaraikan sebagai tapak warisan Dunia oleh UNESCO telah memberikan satu kelebihan untuk membuka peluang ekonomi negara. Selain itu, badan warisan antarabangsa seperti UNESCO dan ICOMOS telah menetapkan kriteria dan norma untuk perlindungan dan pemeliharaan tapak warisan dan telah mengiktiraf hak masyarakat tempatan serta orang asli untuk mengambil bahagian dalam pengurusan warisan budaya di kawasan penempatan mereka. Kebanyakkan pelan pengurusan tapak adalah bertujuan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan dengan membawa lebih ramai pelawat dan pelancong ke tapak warisan. Walaupun begitu, kebanyakkan masalah yang timbul adalah komuniti dipinggirkan dan dikecualikan dari terlibat dalam pengurusan warisan. Selain itu, masyarakat tempatan juga tidak dapat menggunakan sumber warisan untuk dijadikan sebagai sumber pendapatan mereka. Di kebanyakkan negara, undang-undang warisan selalu dianggap remeh walhal, perkara ini yang akan

melindungi dan memelihara warisan dalam jangka masa panjang (Veysel Apaydin, 2016).

2.8 Kerangka Teori

Teori adalah satu set kenyataan yang abstrak dan umum yang disokong oleh hipotesis yang dibuktikan (Sabitha Marican, 2005). Selain itu, menurut beliau, hipotesis dan teori adalah dua hal yang tidak boleh dipisahkan. Hal ini kerana, hipotesis adalah disokong oleh teori. Kerangka teori pula adalah gambaran kepada kaedah yang dijalankan oleh pengkaji begi mencapai objektif yang disasarkan. Kerangka teori juga disebut sebagai kerangka acuan sebagai sokongan kepada teori yang dipilih. Bagi melengkapkan kajian, penulis mengaplikasikan teori fungsionalisme.

Teori ini merupakan idea cetusan ahli falsafah iaitu Augute Comte. Teori ini kemudiannya dikembangkan oleh Herbert Spencer dan Emile Durkheim (Turner, 2017). Teori ini memberi penekanan mengenai keseimbangan hidup bermasyarakat. Selain itu, fokus teori ini adalah untuk mengkaji fungsi perakuan sosial atau institusi dalam kegiatan yang menyumbang kepada sumber kelangsungan hidup sesebuah masyarakat. Tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang merupakan salah satu sumber untuk menggali ilmu berkaitan bidang sejarah. Proses untuk mengekalkan atau memelihara tapak ini memerlukan kerjasam sama dari pelbagai pihak terutamanya penglibatan dari komuniti setempat. Penglibatan komuniti di tapak ini dilihat amat penting bagi melancarkan proses pemuliharaan dan pemeliharaan bahan tinggalan dan artifak lama yang ditemui di tapak ini.

Arnstein's Ladder of Participation

Rajah 2.1 : tangga penyertaan Arnstein (1969)

Sumber : Arnstein (1969)

Menurut Arnstein (1969), tangga penyertaan adalah satu pendekatan yang banyak dipetik untuk memahami pemerkasaan yang menonjolkan pelbagai bentuk yang boleh diambil oleh pemerkasaan. Perkara ini asalnya direka bentuk bagi menerangkan bentuk penyertaan yang lebih luas dari penggunaan perkhidmatan dalam organisasi dan masih lagi digunakan dalam konteks ini. Terdapat dua jenis penyertaan dan bukan penyertaan. Terdapat lapan peringkat penyertaan yang membantu dalam menganalisis isu. Tangga yang paling bawah sekali adalah manipulasi dan terapi. Kedua-dua tangga ini menerangkan tahap ‘bukan penyertaan’ yang direka oleh sesetengah pihak bagi menggantikan penyertaan tulen. Objektif sebenar pihak tersebut adalah untuk mengurangkan penyertaan orang ramai mengambil bahagian dalam merancang atau menjalankan program untuk membolehkan pihak yang mempunyai kuasa ‘mendidik’

atau ‘menyembuhkan’ peserta. Dalam tahap ini menekankan bahawa pihak yang lebih berkuasa dan memberikan arahan kepada pihak dibawah mereka. Sebagai contoh, pihak berkepentingan dalam warisan menegaskan kepada komuniti di Lembah Bujang bahawa tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang adalah warisan penduduk. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk menjaga tapak tersebut dengan baik. Kekuasaan pihak yang terlibat ditentukan oleh pihak berkuasa dan ahli komuniti tiada hak untuk menghalang.

Anak tangga yang ketiga dan keempat adalah tahap ‘tokenisme’ iaitu memberi hak keapada golongan bawahan untuk bersuara (Arstein,1969). Ditahap ini pihak berkepentingan meminta pendapat dari komuniti tetapi tidak mengaplikasi pendapat tersebut. Setelah berbincang dan memberikan pendapat, pihak berkepentingan selalunya mengabaikan pendapat yang diberikan oleh komuniti. ‘Placation’ dalam tokenisme adalah tahap yang lebih tinggi dan yang lebih dalam tahap ini yang membenarkan orang yang tidak mempunyai hak untuk memberikan pendapat dan untuk kekal sebagai pemegang kuasa untuk membuat keputusan. Seterusnya, adalah tahap kuasa rakyat. Dalam tahap ini komuniti mempunyai kuasa untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pihak pengurusan. Dalam tahap perkongsian ini, sebarang keputusan yang dibuat adalah hasil perbincangan bersama dengan komuniti. Manakala, bagi tahap perwakilan kuasa pula pihak pengurusan menyerahkan kuasa kepada komuniti. Dalam tahap ini komuniti berkuasa sepenuhnya dalam menjaga warisan. Walaupun begitu, komuniti tidak akan sampai ke tahap tertinggi dalam tangga penglibatan. Hal ini kerana, dalam warisan pendidikan adalah penting. Dalam pengurusan warisan memerlukan pakar dalam bidang warisan supaya warisan yang dipelihara dapat dijaga dengan baik dengan langkah penjagaan yang betul. Pihak komuniti hanya menginginkan sedikit hak untuk membuat keputusan bagi warisan

mereka untuk memastikan warisan mereka dijaga dengan baik. Tetapi di Malaysia, penglibatan komuniti hanya di tahap manipulasi dan terapi sahaja. Hal ini kerana, semua keputusan telah ditentukan oleh pihak berkuasa.

2.9 Penutup

Kajian literatur ini adalah untuk membantu pengkaji mendapatkan maklumat dari kajian-kajian lepas. Bagaimana penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak, sejarah tapak yang dikaji dan merungkai definisi tapak yang ditakrifkan oleh Akta Warisan Kebangsaan dan UNESCO. Selain itu, dalam bab ini juga, pengkaji ada menghuraikan tentang cara memelihara dan memulihara tapak yang telah diwartakan di bawah UNESCO. Justeru itu, perkara sangat membantu pengkaji supaya dapat menjalankan kajian dengan lebih komprehensif. Kerja-kerja penyelidikan perlulah dijalankan dengan lebih agresif bagi membongkar sejarah dan kehebatan ketamadunan Melayu.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Dalam kajian ini pengkaji akan membincangkan mengenai perkara-perkara yang merangkumi metodologi kajian yang terdiri daripada kaedah pengumpulan data dan kaedah analisis data. Proses kajian ini memerlukan langkah-langkah yang bersistematis dalam mengumpulkan data dari pembentukan permasalahan kajian hingga ke pengumpulan data yang akan menghasilkan satu laporan kajian berdasarkan analisis kajian yang bertepatan dengan data yang diperoleh. Berdasarkan kepada persoalan kajian, pengkaji lebih fokus kepada pendekatan kaedah kajian iaitu kaedah kuantitatif. Selain itu, pengkaji juga turut memilih pendekatan kaedah kualitatif bagi menyokong dapatan kajian.

3.1 Pendekatan Kajian

Menurut Kardos dan Smith (1979), pendekatan kajian merupakan salah satu pendekatan yang sering digunakan kerana ia mampu menyokong siasatan dengan lebih mendalam dan lebih terperinci untuk setiap kes dan menjawab persoalan. Pendekatan kajian kualitatif dan kuantitatif adalah kaedah penyelidikan yang berbeza. Walaupun begitu, perbezaan dan pertentangan tersebut bukan satu halangan bagi pengkaji untuk menggunakan pendekatan ini sesama menjalankan kajian. Kaedah ini dikenali sebagai kaedah campuran dan kajian kes.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah salah satu kaedah kajian yang berperanan sebagai panduan dalam proses analisia data, pengumpulan data serta mentafsir hasil data yang diperoleh

melalui kajian yang dijalankan. Menurut Library (2000), data yang diperoleh dari hasil kajian dapat menyelesaikan masalah penyelidikan dengan berkesan. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan data kajian. Menurut Kerlinger (1970) pula, reka bentuk kajian adalah salah satu cara menganalisis data yang dikumpul secara sistematik menggunakan pemboleh ubah yang terlibat dalam seuatu kajian.

3.3 Kaedah Kajian

Penyelidik memilih kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif dalam penyelidikan ini. Kaedah kajian ini adalah salah satu langkah yang perlu dititik beratkan bagi menjawab objektif kajian dalam penyediaan sesuatu projek penyelidikan (Iman, 2016) (Norazliza, 2022). Kaedah kajian dalam penyelidikan pengkaji menjalankan temu bual soal selidik dan membuat perhatian bagi mendapatkan data dalam proses penyelidikan ini.

3.3.1 Kaedah Kualitatif

Pendekatan kualitatif ini menekankan kepentingan pengalaman subjektif individu yang perlu dianalisis secara kualitatif dan realitisosial mempunyai makna tertentu yang bersifat subjektif dan personal. Rohana Yusuf (2003:181).

Menurut Yin (2009), melalui kajian kualitatif ini memberikan lebih pengetahuan dan memahami sesuatu fenomena yang kompleks. Matlamat penyelidikan kualitatif bukanlah untuk membuat generalisasi sebaliknya memilih individua atau latar yang boleh mewakili kepelbagaian pengalaman (Patton, 2002).

Menurut Creswell (2008), penyelidikan kualitatif adalah satu proses inkuiri bagi memahami masalah dengan menyeluruh melalui pandangan peserta kajian atau informan yang mendalam dalam keadaan latar yang sebenar dan semula jadi. Oleh itu, realiti sesuatu penyelidikan yang melibatkan individu dalam membina

sesuatu keadaan atau situasi yang melibatkan pengetahuan, kepercayaan, perasaan dan sikap terhadap matematik misalnya dikupas melalui penyelidikan kualitatif (Bogdan & Biklen, 2007).

3.3.2 Pendekatan Kuantitatif

Menurut Rohana Yusuf (2003:146) kuantitatif adalah satu usaha membentuk prinsip dan peraturan umum yang mengandaikan reliti sosial sebagai objektif dan terpisah atau tidak berkaitan dengan individu. Kaedah kuantitatif adalah sebuah kaedah yang menekankan objektif dan dikawal oleh analisis serta pengumpulan data (Fraenkel, 2007) (Nor Atikah Abdullah, 2022).

3.4 Unit Analisis

Unit analisis adalah melibatkan objek untuk dikaji seperti lokasi, teks dan manusia. Bagi mendapatkan data berkenaan penyelidikan yang dijalankan pengkaji perlulah mengenalpasti siapa yang perlu dirujuk bagi mendapatkan data yang betul, mengenalpasti lokasi yang tepat dan teks yang boleh dijadikan rujukan. Unit analisis ini merupakan satu permasalahan yang perlu diteliti. Pengkaji memberikan tumpuan kepada penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Tapak ini dipilih oleh pengkaji kerana tapak ini kaya dengan nilai-nilai warisan selain keindahan panorama sepanjang perjalanan ke lokasi kajian.

Pihak berkepentingan seperti pegawai muzium, Jabatan Warian Negara dan pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab bagi menjaga kelestarian tapak dan merupakan komponen utama dalam unit analisis kajian ini. Hal ini kerana, mereka lebih memahami selok belok tapak dan dapat membantu pengkaji untuk merungkai permasalahan kajian.

3.5 Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data terdiri daripada dua sumber iaitu data primer dan data sekunder.

3.5.1 Primer

Sumber data primer diperoleh dari maklumat sesi menemu bual beberapa orang responden atau pihak yang berkaitan dengan pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Selain itu, pengkaji menjalankan soal selidik yang mana borang soal selidik tersebut akan dijawab atas talian. Pengkaji juga menjalankan pemerhatian di lokasi kajian bagi mendapatkan data atau maklumat yang diperlukan.

i) Temu Bual

Kaedah temu bual ini digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat daripada sumber pertama. Pengkaji menemu bual pihak yang bertanggungjawab seperti pihak pengurusan tapak dan beberapa responden yang tinggal berhampiran tapak bagi mendapatkan maklumat dengan lebih terperinci. Ketika sesi temu bual, pengkaji merekod audio bagi mengelakkan berlaku salah smpai maklumat atau terlepas maklumat penting dari responden.

ii) Soal Selidik

Semasa mengumpul data primer pengkaji menggunakan kaedah kajian soal selidik selain dari turun ke lapangan kajian. Borang soal selidik akan diisi oleh penduduk setempat di Kawasan Lembah Bujang. Borang soal selidik ini mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang, maklumat responden dan pendapat

responden mengenai pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah bujang ini bagi menjawab objektif kajian.

Responden akan membaca penerangan dan arahan yang disediakan di ruang hadapan “google form” sebelum menjawab. Hal ini supaya responden faham keperluan mengisi borang soal selidik dan data yang ingin dikumpul dapat dikumpul dengan tepat oleh pengkaji.

Untuk mendapatkan maklumat setiap sampel yang dijawab oleh responden mengambil masa 10 hingga 15 minit. Dalam kajian lapangan pula, tujuan pengkaji turun ke tapak adalah untuk melihat keadaan tapak arkeologi, mengumpul data dan menemu bual pihak pengurusan yang berada di tapak arkeologi Lembah Bujang.

iii) Pemerhatian

Kaedah pemerhatian ini dijalankan oleh pengkaji dari awal hingga akhir kajian untuk memperoleh maklumat yang lengkap bagi menjawab objektif kajian. Maklumat boleh dikumpulkan melalui video yang dirakam, mengambil gambar tapak dan merekod audio.

3.5.2 Sekunder

Untuk mendapatkan data sekunder pula pengkaji akan mengumpulkan bahan-bahan dokumentasi yang boleh dirujuk di dalam internet. Selain itu, pengkaji membuat bacaan kajian-kajian lepas, membaca artikel ilmiah seperti jurnal, surat khabar, akta yang diwartakan dan majalah.

i) Sumber Internet

Pengkaji mendapatkan maklumat mengenai tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini adalah melalui carian di laman sesawang di internet. Walaupun sudah lama tapak ini di teroka oleh penyelidik tetapi

terdapat sesetangah penduduk tidak menyedari akan hal ini. Pengkaji ada meminta bantuan dari pengurus tapak ini untuk melihat gambar-gambar artifak dan proses penyelidikan sebelum aftifak yang ditemui di letakkan di muzium.

ii) **Buku Ilmiah**

Pengkaji membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian.

iii) **Thesis**

Pengkaji membuat rujukan kajian lepas yang dijalankan oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Rujukan yang dibuat melalui kajian lepas amat membantu pengkaji dari segi mendapatkan maklumat yang menyokong kajian.

iv) **Surat Khabar**

Sumber yang seterusnya yang digunakan untuk mendapatkan maklumat adalah melalui akbar atas talian. Terdapat banyak maklumat berkaitan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang diperoleh pengkaji melalui sumber ini. Antara akbar atas talian yang menyiaran berita tentang tapak ini ialah, berita harian dan sinar harian.

v) **Akta**

Dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji merujuk Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645), UNESCO dan ICOMOS. Akta-akta ini bertindak sebagai pelindung kepada warisan yang dipelihara.

vi) Jurnal

Pengkaji merujuk jurnal yang dijumpai sebagai salah satu rujukan yang berguna. Jurnal ini menjadi penanda aras kepada objektif yang ini disampaikan dalam kajia yang dijalankan.

3.6 Pensampelan

Pengkaji menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian yang diambil melalui persampelan bertujuan. Hal ini bersesuaian dengan kajian untuk mengenalpasti cara pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang dalam meningkatkan penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi ini. Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu temu bual bagi mengumpul maklumat. Kaedah temu bual yang diguna oleh pengkaji adalah pensampelan bukan kebarangkalian dengan teknik bebola salji. Persampelan bebola salji adalah satu kaedah persampelan yang paling popular dalam penyelidikan kualitatif. Paling utama adalah ciri-ciri rangkaian dan rujukan. Para penyelidik biasanya bermula dengan bilangan yang kecil yang sesuai dengan kriteria penyelidikan untuk menjadi perserta penyelidikan. Temu bual akan dijalankan sehingga mencapai objektif kajian (Howard Becker, 2020).

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah kauntitatif iaitu menggunakan soal selidik bagi mengumpul data. Soal selidik merupakan pensampelan kebarangkalian dengan teknik rawak mudah. Sebelum soal selidik dijalankan pengkaji perlu mengetahui terlebih dahulu jumlah populasi penduduk di Kawasan Lembah Bujang. Bagi mendapatkan data tersebut pengkaji merujuk kepada jadual Krejie Morgan (1970) untuk menentukan saiz populasi di Lembah Bujang. Pengkaji mendapatkan jumlah populasi di mukim Bujang dengan seramai 13,342 orang penduduk bagi tahun 2010, maka jumlah responden yang terlibat dalam penyelidikan ini adalah seramai 374 orang

responden dengan tahap keyakinan sebanyak 95% dan ralat margin sebanyak 5%. Untuk mengira peratusan ini pengkaji menggunakan “Sampling Size Calculator”.

3.7 Instrumen Kajian

Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan beberapa instrumen bagi memudahkan proses penyelidikan ini berjalan dengan lancar. Terdapat beberapa alatan yang digunakan dalam penyelidikan ini .

3.7.1 Komputer Riba

Pengkaji menggunakan alatan teknologi seperti komputer riba bagi mencari data kajian secara atas talian. Maklumat yang diperoleh taip dan disimpan dalam fail untuk kegunaan kajian.

3.7.2 Telefon Pintar

Pengkaji menggunakan telefon pintar untuk mengambil gambar, merakam video temu bual dan merakam audio sepanjang temu bual berlangsung. Ini adalah sebagai bukti pendokumentasian di akhir penyelidikan ini.

3.7.3 Kertas Dan Pen


Kertas dan pen digunakan sebagai alatan untuk mencatat isi-isi penting yang diperoleh semasa proses temu bual berjalan.

3.8 Analisis Data

Analisis data ditakrifkan sebagai proses transformasi, pemodelan data dan pembersihan untuk mendapatkan data yang tepat. Analisis data bertujuan mengambil dan menyerap segala maklumat dan membantu ketika proses membuat keputusan. Pengkaji menggunakan kaedah tematik dalam penyelidikan ini. Analisis tematik adalah proses

mengenal pasti corak atau tema dalam data kualitatif. Braun dan Clarke (2006), mencadangkan bahawa ia adalah kaedah kualitatif pertama yang dipelajari sebagai satu kemahiran yang berguna untuk menjalankan jenis analisis lain. Menurut Braun dan Clarke (2006) lagi, kebanyakkan metodologi kualitatif, tidak terikat dengan epistemologi tertentu atau perspektif teori. Hal ini, menjadikan tematik adalah satu kaedah yang sangat fleksibel yang memberi kelebihan kepada pelbagai kerja dalam pembelajaran dan pengajaran.

Analisis tematik digunakan bagi mengkategorikan data-data dan membentuk tema yang berpadanan untuk menjawab soalan kajian dalam kajian ini. Kaedah tematik ini dimulakan dengan menganalisis data dan diikuti dengan proses pembinaan kod. Kemudian diteruskan dengan mencari, menyemak, mentakrif dan menamakan tema. Kaedah analisis tematik ini diakhiri dengan bahagian pempameran data dalam bentuk matriks atau jadual, jaringan, peta konsep, carta alir, rajah bagi memudahkan pembaca untuk meneliti penemuan kajian yang diperoleh. Tiga jenis pengekodan yang terdapat dalam kaedah tematik ini adalah pengekodan umum (*open coding*), pengekodan kelompok (*axial coding*) dan pengekodan terpilih (*selective coding*) (Merriam, 1988 dan 2009) (Rohizani Yaakub, 2018).



Rajah 3. 1 : Kaedah Analisis Tematik

Sumber : Merriam (1988 dan 2009)

Rajah 3.1 menunjukkan proses yang dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan data tentang kajian yang dilakukan. Data-data yang diperoleh pengkaji semasa melakukan kajian lapangan sangat membantu dari segi menambah ilmu pengetahuan dan menimba pengalaman. Untuk menentukan data yang diperoleh bersesuaian dan maklumat disusun dengan betul, pengkaji perlu membuat pembacaan dan penelitian semula penulisan yang dibuat. Pembacaan semula adalah salah satu cara untuk mengenal pasti kesalahan fakta dan dapat membuat penyusunan semula ayat. Selain itu, pengkaji juga dapat membuat penelitian semula data utama yang digunakan dalam penyelidikan. Seterusnya proses pembacaan semula juga dapat membantu pengkaji membetulkan kesalahan dalam laporan yang ditulis hingga mencapai objektif kajian penyelidikan ini. Akhir sekali, proses menggabungkan data mengikut bahagian berdasarkan teknik metodologi bagi melengkapkan kajian yang dilakukan (Nor Atikah Abdullah, 2022).

3.9 Penutup

Kajian ini menggunakan metodologi yang lazim digunakan oleh pengkaji-pengkaji lain kerana mempunyai ciri-ciri persamaan pada skop dan objektif. Analisis data kuantitatif akan menggunakan teori cara pengurusan tapak untuk mengenalpasti sejauh mana keberkesanan pengurusan tapak ini dalam meningkatkan penglibatan kemuniti di tapak arkeologi ini. Kedua-dua bentuk data yang dianalisis dijangka akan memberikan rumusan dan cadangan untuk penambahbaikan pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang bagi melestarikan tapak warisan yang kaya dengan nilai-nilai sejarah ini.



BAB 4

ANALISIS DATA

4.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji sewaktu proses pengumpulan data dilakukan oleh para responden yang terlibat. Antara maklumat tersebut adalah data-data yang telah dikumpul melalui proses temu bual, borang soal selidik, pemerhatian dan juga tinjauan. Hasil dapatan kajian yang diperoleh mengandungi maklumat dan data responden yang pernah melawat ke tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang dan akan dirahsiakan maklumat peribadi responden berkenaan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu, sama ada komuniti melibatkan diri dalam pengurusan ini ataupun tidak dan siapa yang bertanggungjawab menguruskan tapak ini. Di samping itu, data-data yang diperolehi juga berkait rapat dengan pengurusan tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Dapatan kajian ini diperincikan melalui gambar rajah, carta dan graf yang bersesuaian seperti yang dibincangkan di dalam sub-topik seterusnya.

Dalam bab ini akan membincangkan data yang diperoleh dari objektif yang dirangka oleh pengkaji. Antaranya, menganalisi data yang dikumpul mengenai pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Bagi objektif satu ini pengkaji akan membincangkan tentang penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Pengkaji mengenalpasti pihak mana yang terlibat dalam membantu pengurusan tapak arkeologi ini. Selain itu, untuk objektif kedua pula pengkaji merungkai tentang tahap penglibatan komuniti di tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Melalui pemerhatian ini pengkaji dapat

melihat tahap penglibatan komuniti di tapak ini. Akhir sekali, bagi objektif ketiga pengkaji akan menghuraikan tentang langkah-langkah untuk melestarikan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Pengkaji mendapatkan maklumat tentang bagaimana cara untuk memelihara dan memulihara tapak, bagaimana menarik perhatian masyarakat untuk melawat ke tapak dan mengkaji penambahbaikan yang diperlukan untuk memastikan tapak ini terus kekal menjadi tapak arkeologi yang menyimpan sejarah asal usul pembukaan Sungai Batu.

Dengan kaedah temu bual dan soal selidik, pengkaji dapat mengumpulkan data bagi menjawab objektif yang rangka. Segala persoalan yang timbul dapat dijawab dengan data yang diperoleh. Oleh itu, dalam bab empat ini pengkaji perlu menganalisis data tersebut sama ada terjawab atau tidak objektif kajian pengkaji.

4.1 Pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang

Menurut Dr Muhammadul Bakri (2009), seseorang atau satu kelompok masyarakat itu perlu mempunyai ciri-ciri kepengurusan tersendiri yang menjadikannya berpengaruh dan dicontohi oleh kelompok masyarakat yang lain pula. Selain itu, menurut Robiah (2003), pengurusan meliputi proses bagi tujuan sesuatu badan organisasi semasa pergerakan anggota yang terdapat dalam organisasi dan menggunakan banyak kaedah agar matlamat pencapai. Tapak Lembah Bujang ini diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara dengan bantuan komuniti setempat dalam melancarkan proses pengurusan tapak ini. Hasil temubual bersama dengan pengarah Jabatan Warisan Negara bagi Zon Utara, beliau ada menyatakan:

“Sebelum diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara, dalam 6 tahun lepas. Dia diuruskan oleh pihak USM sendiri. Maksudnya, USM buat ekskavasi dan kita sendiri akan menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan ataupun menjaga tapak tersebut. Lepas tu pihak Jabatan Warisan menguruskan tapak tersebut dengan kerja-kerja sebagai kawalan keselamatan dan pembersihan berkala. Sekarang ni untuk kerja-kerja ‘maintainance’ kecil penyelenggaraan-penyelenggaraan tapak semuanya diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara lah”.

(Informan 2, temubual, bersemuka, 2022)

Sebelum tapak ini diambil alih oleh Jabatan Warisan Negara Zon Utara, tapak ini diuruskan oleh pihak USM. Hal ini kerana, pada asalnya pihak USM yang menjumpai dan menjalankan penyelidikan di tapak arkeologi di sekitar Lembah Bujang. Pihak USM dan pihak Jabatan Warisan Negara Zon Utara bekerjasama dalam menjaga kesejahteraan tapak iaitu menguruskan hal-hal berkaitan keselamatan dan kebersihan tapak secara berkala. Selepas 6 tahun tapak ini diuruskan oleh pihak USM, tapak ini diambil oleh sepenuhnya oleh Jabatan warisan Negara dengan kerjasama pihak USM dan Jabatan Muzium Negara. Setakat ini, sebarang aktiviti-aktiviti penyelenggaran kecil akan diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara Zon Utara.

Tapak Warisan merupakan sesuatu yang mengandungi nilai sejarah yang tinggi dan diwarisi daripada generasi-generasi terdahulu. Tapak warisan juga merujuk kepada sesuatu tempat yang mempunyai ciri-ciri budaya atau fizikal yang unik. Sebagai contoh gunung, hutan, monumen dan bandar. Tapak warisan awal Malaysia mewakili pelbagai fungsi seperti tempat beribadat dan melambangkan tamadun manusia. Selain itu, Arkeologi dalam bahasa Yunani iaitu arkhaologia yang membawa maksud kajian terhadap barang lama. Menurut Hamid Mohd Isa (2016), arkeologi moden hari ini mempunyai tiga matlamat utama iaitu, mengkaji sejarah budaya manusia, membina semula cara hidup manusia dan menerangkan setiap perubahan budaya manusia. Arkeologi dalam erti kata lain merupakan satu bidang yang bersifat multi disiplin yang

mengkaji dan membina semua corak kehidupan dan tingkah laku manusia silam berdasarkan kepada tinggalan budaya kebendaan yang dianalisis melalui kaedah saintifik dan sains sosial. Tapak arkeologi Sungai Batu adalah merupakan salah satu tapak arkeologi yang telah diiktiraf sebagai warisan Kebangsaan oleh Jabatan Warisan Kebangsaan. Tapak ini sekarang adalah dibawah seliaan Jabatan Warisan Kebangsaan.

4.1.1 Penglibatan Oleh Komuniti

Hasil daripada temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji terhadap responden yang berkhidmat di Tapak Arkeologi Sungai Batu ini telah menjawab objektif pertama yang telah dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan. Informen bersetuju dengan soalan yang dikemukakan oleh pengkaji. Dalam temubual bersama informan ketiga. Beliau merupakan salah seorang ahli NGO yang membuat kajian serta aktiviti berkaitan arkeopelancongan di tapak ini. Melalui temu bual bersama informan pengkaji dapat mengumpulkan maklumat bahawa terdapat penglibatan komuniti di tapak arkeologi Sungai Batu ini semasa awal pembukaan tapak lagi. Komuniti telah melibatkan diri secara sukarela dalam aktiviti-aktiviti ekskavasi dan cari gali di tapak arkeologi Sungai Batu ini. Selain itu, komuniti juga menyumbang dalam memberi info tentang sebarang jumpaan artifak. Berdasarkan soalan pertama yang dikemukakan kepada informan adalah adakah terdapat pihak komuniti terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Penduduk sekitar Lembah Bujang ini semua baik-baik belaka. Bila pihak kami tanya ada yang nak bantu untuk proses cari gali, semua memberi sokongan dan kerjasama yang baik (Informan 3, bersemuka, November, 2022).

Penduduk Lembah Bujang dikatakan sangat mengalu-alukan kedatangan pengkaji-pengkaji ke kawasan mereka. Mereka sedia membantu para pengkaji jika diminta sebarang pertolongan. Pembukaan tapak arkeologi ini mendapat sambutan yang baik oleh komuniti setempat. Komuniti di sekitar perumahan dan perkampungan Lembah Bujang memberi kerjasama yang baik kepada pihak yang menjalankan kajian di tapak ini. Mereka membantu dari segi memberi maklumat yang mereka tahu mengenai kawasan tersebut dan juga membantu dalam kerja-kerja cari gali yang dijalankan. Menurut Puan Seha, dengan bantuan komuniti setempat, kerja-kerja pembersihan tapak dan cari gali menjadi lebih cepat. Hal ini kerana, komuniti di sekitar Lembah Bujang semestinya tahu akan sejarah awal tempat tinggal mereka. Komuniti yang sudah berusia akan berkongsi tentang sejarah lama, manakala mereka yang muda akan membantu dari segi gerak kerja cari gali atau membantu mengesan tapak.

Fakta ini disokong dengan pernyataan yang dinyatakan oleh informan tiga semasa sesi temu bual bersama beliau. Misalannya kita eskavasi, kita akan panggil penduduk setempat untuk tolong kita dan kita akan bayar macam elau la pada diorang (Informan 3, bersemuka, November, 2022). Jika pernah membuat program eskavasi bersama komuniti diawal pembukaan tapak. Jika pihak pengurusan tapak ingin menjalankan aktiviti eskavasi, mereka akan mengwar-warkan kepada komuniti sebagai salah satu cara mengeratkan lagi hubungan antara pengurusan tapak dengan komuniti. Peserta yang terlibat dalam aktiviti eskavasi ini kebanyakannya adalah terdiri daripada remaja yang baru sahaja menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah. Hal ini akan memberikan pengalaman kepada anak muda yang mengikuti eskavasi ini. mereka berpeluang menambah ilmu baru dan dalam masa yang sama boleh menambah duit poket mereka.



Gambar 4.1 : Aktiviti Eskavasi Bersama Komuniti

Sumber : ‘Facebook page’ Arkeopelancongan Kedah Tua

Dalam gambar 4.1, dilihat anak-anak muda membantu pihak tapak arkeologi menjalankan proses eskavasi. Dalam gambar tersebut dilihat anak-anak muda sedang mengorek pasir bagi proses cari gali. Anak-anak muda sekitar Lembah Bujang ini sangat bersemangat dan mudah memberikan kerjasama apabila pihak tapak meminta bantuan. Pada gambar yang disebelahnya pula, dilihat golongan dewasa membantu pihak tapak arkeologi melabel jumpaan ditapak. Kerja-kerja eskavasi dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan melibatkan komuniti akan diselia atau dipantu sendiri oleh pihak USM dan staf Jabatan Warisan Negara yang berada di tapak. Pemantauan perlu dilakukan bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku seperti peserta mengalami kecederaan, kerosakkan bahan jumpaan atau bagi mengelakkan kerosakkan bagi bahan yang baru dijumpai .

Selain itu,, menurut informen lain :

“Banyak komuniti terlibat kat sini. Dari segi buat kajian, eskavasi, semua melibatkan komuniti. Keterlibatsama, eskavasi, survey, pemetaan. Haa, semua melibatkan komuniti. Dalam kajian arkeologi, depa daripada ‘start’ mula tapakk ni dibuka, kita akan ajar cara cari gali apa semua, kemudian akan jai duta pelancongan. Ha, itu apa yang jai buat masa la ni lah”.

(Informan 4, Temubual, Bersempuka, November 2022)

Menurut informen, komuniti banyak melibatkan diri dalam urusan ekskavasi, ‘survey’ dan pemetaan. Keterlibatsama komuniti dalam kerja-kerja cari gali ini bermula ari tapak ini mula dibuka oleh pihak USM sehingga sekarang. Justeru, komuniti yang telah terlibat dalam kerja-kerja ekskavasi ini boleh dijadikan sebagai duta kecil tapak arkeologi di Lembah Bujang.

4.1.2 Penglibatan Dari Badan Kerajaan.

Menurut kamus pelajar edisi kedua badan kerajaan merujuk kepada mana-mana jabatan kerajaan yang menjalankan kegiatan kerajaan sehari-hari. Antaranya pihak polis, pihak Perbandaran, Jabatan perhilitan, Jabatan Sukarelawan Malaysia, Jabatan Muzium Negara (JMN) dan Jabatan Warisan Negara (JWN). Tanpa bantuan dari pihak-pihak ini mungkin pihak pengurusan tapak arkeologi ini akan mengalami kesukaran untuk menguruskan tapak ini. Jika dilihat dari kepentingan penglibatan pihak kerajaan terhadap tapak ini dapat membantu dari segi menguruskan tapak serta membantu menghidupkan kawasan sekitar tapak untuk menarik kehadiran pelancong untuk melawat ke tapak. Menurut informan;

“Jumpaan kalau di Sungai Batu, secara keseluruhannya adalah berdasarkan ekskavasi. USM yang menjalankan ekskavasi selama ni. Lepastu sebarang artifak akan dibawa ke makmal ataupun akan dibersihkan di tapak lepas tu akan diambil data. lepastu akan dipulangkan kepada Jabatan Warisan. Berdasarkan kepada akta Warisan sendiri, akta 505, sebarang jumpaan objek aka diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara”.

(Informan 2, Temu Bual, Atas Talian, November 2022)

Menurut informan dua, sebarang jumpaan yang ditemui di Sungai Batu hasil dari ekskavasi oleh pihak USM akan dibawa ke makmal ataupun akan dibersihkan di tapak arkeologi Sungai Batu. Artifak yang ditemui di tapak arkeologi ini akan diberikan

kepada Jabatan Warisan Negara untuk diuruskan berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan 505 iaitu, sebarang objek yang ditemui perlulah diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara.

Selain itu, pembukaan tapak arkeologi ini mendapat sambutan dari pelbagai pihak diawal pembukaannya. Pihak-pihak berkepentingan semestinya mahu terlibat dalam apa juga aktiviti di tapak ini jika memberi manfaat kepada mereka. Di tapak arkeologi ini, terdapat beberapa pihak yang terlibat secara dan tidak langsung. Antaranya, badan kerajaan seperti Majlis Pembandaran Sungai Petani, Jabatan Warisan Negara zon Utara sebagai penaung tapak arkeologi ini dan Jabatan Muzium Negara yang menjaga artifak-artifak yang dijumpai. Selain itu, keterlibatan pihak badan berkanun seperti pihak polis dalam pengurusan tapak ini adalah demi memastikan keselamatan tapak, pelancong dan juga pengkaji serta penglibatan dari Jabatan Sukarelawan Malaysia atau Rela yang bertanggungjawab menjaga keselamatan lalu lintas pengunjung ketika sebarang program berlangsung.

Pengkaji ada bertanya kepada informen tentang penglibatan dari badan kerajaan di tapak arkeologi ini bagi menjawab objektif tentang pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Menurut informan dari Jabatan Warisan Negara sebagai informan ketiga mengatakan bahawa: “Kita juga dapat kerjasama daripada agensi seperti majlis bandaraya ataupun dari kerajaan negeri yang menyediakan tapak parking semua” (Informan 2, temu bual atas talian, November 2022). Majlis Pembandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) membantu dalam menyediakan tapak meletakkan kenderaan bagi pelawat yang hadir ke tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Selain berfungsi sebagai tapak meletakkan kenderaan, tapak tersebut juga berfungsi sebagai tapak untuk sebarang aktiviti keramian seperti festival atau apa yang berkaitan dengan program berusurkan warisan. Majlis

Pembandaran Sungai Petani juga berperanan untuk menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan tapak serta membantu pihak Jabatan Warisan Negara menyediakan kemudahan frasarana di tapak arkeologi ini. Penglibatan MPSPK dalam menguruskan tapak ini membantu memudahkan pihak pengurusan tapak untuk menguruskan tapak.

Walaupun begitu, untuk menggunakan tapak yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani ini perlu beruruskan sendiri dengan pihak Majlis Perbandaran sendiri serta menyewa tapak dengan mereka. “Yang tapak karnival. Itu daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani” (Informan 2, temubual, atas talian, November 2022). Tapak meletakkan kenderaan yang disediakan oleh Majlis Perbandaran Sungai Petani pernah digunakan sebagai tapak karnival. Tapak meletakkan kenderaan yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani sering digunakan sebagai tapak aktiviti yang dijalankan di tapak jika melibatkan jumlah pengunjung yang ramai. Selain itu, ketika hari-hari biasa tapak ini digunakan sebagai tempat meletakkan kenderaan awam bagi pelawat yang datang melawat ke tapak. Hal ini bagi mengelakkan hasil ekskavasi yang berada di tapak digangu atau mengalami kerosakan. Jika pelawat meletakkan kenderaan dalam kawasan tapak dikhuatiri akan mendatangkan kemudarat ke atas bahan jumpaan di tapak tersebut. Oleh itu, usaha ini sangat membantu pihak pengurusan dalam menjaga bahan jumpaan di tapak agar terpelihara.

Selain Majlis Perbandaran, pihak Universiti Sains Malaysia (USM) juga terlibatsama dalam pengurusan tapak sebelum diambil alih oleh pihak Jabatan Warisan. “‘Knowledge Transfer Programme’ KTP ni dulu masa dia buat masa tahun 2013 dibawah USM. Sekarang program ni dah tamat dah. Depa dah ada ‘green batch’ dah” (Informan 4, temubual, bersemuka, November 2022). Program ‘Knowledge Transfer Programme’ ini adalah merupakan salah satu usaha dari pihak USM untuk membantu

komuniti memberikan mereka ruang dan peluang berkongsi pengetahuan mereka tentang sejarah tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini. Program ini dilancarkan pada tahun 2013 dibawah kendalian pihak USM sudah ditamatkan atas sebab-sebab tertentu.

Komuniti yang menyertai program ini telah mendapat penghargaan dan pengiktirafan atau lesen sebagai pemandu pelancong untuk kawasan Sungai Batu di Lembah Bujang yang dipanggil ‘green batch’. Komuniti yang mempunyai ‘green batch’ ini adalah individu yang telah menjalani kursus bersama pihak USM. Mereka telah didedahkan dengan cara untuk eskavasi, cara menjaga artifak dan cara untuk menyampaikan sebarang maklumat kepada pelawat yang datang melawat ke tapak. “Kalau kitorang eskavasi, kita akan panggil penduduk sekitar. Anak-anak muda untuk join eskavasi kita. Sebab diorang pun dapat elaun kan, macam bekerja la. Sambal tu, ada pengalaman” (Informan 3, Temubual, Bersemuka, November 2022). Jika pihak USM ini menjalankan eskavasi, pihak mereka akan mewar-warkan kepada komuniti dan penduduk sekitar. Kebanyakkan yang berminat untuk membantu adalah anak-anak muda lepasan SPM sementara menunggu keputusan SPM atau menyambung pelajaran. Selain mendapat ilmu dan pengalaman tentang cara eskavasi, mereka juga menapati elaun atau bayaran yang diberikan oleh pihak USM. Tawaran sebegini akan menarik perhatian golongan muda untuk membantu di tapak.

Penglibatan Jabatan Muzium di tapak ini adalah sebagai organisasi yang bertanggungjawab menjaga artifak yang dijumpai. Peranan Jabatan Muzium dilihat penting kerana, mereka mempunyai kakitangan yang pakar dan garis panduan tentang cara penyimpanan bahan artifak dengan betul bagi memanjangkan hayat artifak tersebut. Cerita dia candi yang kat Muzium tu bukan asal dia kat situ. Tu amik dari Pengkalan Bujang la tu. Depa bina semula ja. Hat ‘original’ tak dak dah. Tenggelam

dalam tanah (Informan 1, temu bula bersemuka, November 2022). Hasil temu bual bersama informan satu, pengkaji mendapat maklumat bahawa pihak Muzium memainkan peranan menjaga artifak atau monumen yang dijumpaai sekitar Lembah Bujang. Candi yang dipamerkan di Muzium Arkeologi Lembah Bujang, adalah replika yang telah dibina semula. Menurut informan, candi yang terdapat di Muzium adalah candi yang telah dibina semula oleh kerana candi yang asal sudah tertimbuk di dalam tanah. Selain itu, menurut informan lain;

“untuk tapak Sungai Batu, Lembah Bujang, kita sering dapat jumpaan objek. Jadi antara kita yang kita buat adalah kita pergi ke tapak dan kita buat kerja-kerja ekskavasi, lepas tu kita akan simpan di Jabatan Warisan Negara ataupun memberi pinjam kepada agensi yang berkenaan”.

(Informan 2, Temu Bual, Atas Talian, November 2022)

Informan dua menyatakan bahawa, Jabatan Warisan sering mendapat maklumat tentang jumpaan objek di tapak arkeologi Sungai Batu, dan mereka akan turun ke tapak untuk menjalankan kerja-kerja ekskavasi. Hasil dari ekskavasi, jika terdapat jumpaan artifak Jabatan Warisan akan menyimpan artifak tersebut atau akan memberi pinjam kepada agensi-agensi yang berkenaan seperti Jabatan Muzium Negara untuk dipamerkan di Muzium. Dalam menguruskan tapak ini juga perlu melibatkan Jabatan Perhilitan. Hal ini kerana menurut informan kedua, kawasan tapak arkeologi Sungai Batu ini merupakan kawasan paya.

“babi hutan pun banyak kat situ. Kawasan paya tu banyak babi hutan. Jadi berhati-hati lah lepastu banyak ulang. Ular pun ada jugak kawasan tu, sebab kawasan paya dan kelapa sawit memang berpotensi. Tapi sekarang kawasan ni bersih tak merisaukan sangat dah”.

(Informan 2, Temu bual, Atas talian, November 2022)

Menurut informan kawasan tapak arkeologi Sungai Batu ini merupakan kawasan berpaya dan ladang kelapa sawit. Justeru, tapak ini berpotensi menjadi rumah

kepada ular atau haiwan liar seperti babi hutan. Peranan Jabatan Perhilitan amat diperlukan di tapak ini untuk mengelakkan dari sebarang kemalangan kecil berlaku di tapak ini akibat dari serangan haiwan-haiwan liar ini. Dengan adanya kerjasam dari Jabatan Perhilitan akan membantu untuk jaminan keselamatan pelawat, penyelidik dan staf pengurusan di tapak arkeologi ini. Hal ini kerana, sudah semestinya pihak Jabatan Perhilitan mempunyai kepakaran dalam menangani haiwan-haiwan liar ini.

4.1.3 Penglibatan Dari Badan Bukan Kerajaan (NGO)

NGO atau pertubuhan bukan kerajaan merupakan pertubuhan yang ditubuhkan oleh pihak atau pertubuhan swasta yang tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan mana-mana kerajaan. Di tapak arkeologi ini terdapat juga penglibatan dari pihak NGO. Hal ini kerana, tapak ini diawal pembukaanya dahulu pihak NGO antara pihak yang bertanggungjawab berjuang bersama-sama mengiktiraf tapak ini sebagai tapak warisan. Sehingga sekarang pihak NGO masih lagi membantu pihak pengurusan Tapak Arkeologi Lembah Bujang. Antara aktiviti yang pihak NGO jalankan adalah merancang aktiviti lawatan ke tapak dan membantu untuk mempromosikan tapak. Dengan adanya aktiviti seperti ini akan menarik minat kanak-kanak, remaja mahupun orang dewasa untuk melawat ke tapak-tapak bersejarah. Oleh yang demikian, aktiviti lawatan ini dapat menolak pemikiran bahawa tapak arkeologi adalah tempat yang menyeramkan dan membosankan. Bukan itu sahaja, aktiviti lawatan ke tapak ini juga sekaligus dapat membuka mata dan minda masyarakat tentang sejarah tamadun melayu terdahulu, bagaimana sejarah sesebuah tempat, bagaimana tempat tersebut dibangunkan dan kegiatan apa yang dijalankan ditempat tersebut. Tetapi selepas covid-19 melanda negara kita, segala perancangan terpaksa diubah dan untuk memulakan semua akan mengambil masa dan memerlukan peruntukan kos yang baru. Pihak NGO berusaha bersama-sama dengan pihak pegurusan tapak arkeologi Sungai Batu ini bagi mencari

dana idea baru untuk membantu mengangkat tapak warisan ini dimata dunia. Hal ini kerana sejak negara dilanda virus Covid-19 tempoh hari jumlah pelawat ke tapak arkeologi ini telah merosot dan kerja-kerja cari gali juga banyak yang tertangguh disebabkan serangan virus tersebut.

“dari segi penglibatan komuniti juga, kita juga ada satu program khas iaitu kita panggil KTP ‘Knowledge Transfer Programme’, yang mana peserta-peserta tu adalah anak belia tempatan. So, kita dah ada dua siri dan kebanyakannya anak-anak tempatan ni kita latih ia untuk jadi ‘tour guide’ di kawasan ni dan kawasan sekitar Lembah Bujang”.

(Informan 3, Temu bual bersemuka, November 2022)

Dari segi penglibatan komunitit, pihak NGO ada menganjurkan beberapa program di tapak arkeologi Sungai Batu ini, salah satu program tersebut ialah “Knowledge Transfer Program” atau program pemindahan ilmu. Program ini melibatkan penduduk setempat dari peringkat umur remaja yang menawarkan ilmu cari gali dan juga melatih mereka sebagai pemandu pelancong. Apabila ada pelancong yang datang ke tapak, mereka boleh membantu pihak pengurusan tapak bertindak sebagai pemandu pelancong yang membawa pelancong melihat keindahan kawasan sekitar tapak dan juga melawat ke tapak arkeologi ini serta menyampaikan atau berkongsi maklumat berkaitan sejarah tapak . Mereka juga bertindak sebagai agen promosi untuk mempromosikan tapak dan juga tempat-tempat menarik sekitar tapak arkeologi ini dan memperkenalkan kepada pelancong produk-produk yang dihasilkan oleh komuniti. Hal ini sekaligus membantu pihak pengurusan mempromosikan tapak kepada komuniti sekitar dan orang luar tentang tapak arkeologi ini dan tentang produk-produk hasil tangan komuniti setempat seperti sijil dari jerami, nira nipah, tiram dan sabun buatan sendiri. Selain itu, menurut informen juga :

“kita ‘guide; diorang untuk dapatkan ‘green batch’. So, diorang ni dah ada macam, kita latih anak tempatan untuk dia sendiri yang bagi penerangan pasal tapak dia, pasal kawasan dia macam tu”.

(Informan 3, Temubual Bersemuka, November, 2022)

Pihak NGO ada memberikan tunjuk ajar kepada komuniti untuk dapatkan ‘green batch’ dan mereka terdiri daripada anak-anak tempatan. Oleh itu, mereka yang mempunyai ‘green batch’ ini berkelulusan menjadi pemandu pelancong dan memberikan penerangan atau menyampaikan kepada pelawat tentang penemuan-penemuan yang terdapat di tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini.



Gambar 4.2: Aktiviti T.o.T (Training of Trainer)

Sumber : ‘Facebook Page’ Arkeopelancongan Kedah Tua

Rajah di atas adalah aktiviti NGO bersama komuniti iaitu ‘Training of Trainer’. Program ini adalah hasil usahasama pihak pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang dengan pihak NGO. Program ini bertujuan untuk membimbang komuniti sebagai pemandu pelancong. Jika ada program-program lawatan ke Lembah Bujang komuniti yang menyertai program ini akan membawa dan menerangkan kepada pelancong tentang keistimewaan dan sejarah tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah

Bujang ini. Hal ini kerana, jika dibandingkan komuniti dan pihak pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu ini, komunititi itu sendiri lebih arif mengenai selok belok kawasan sekitar Lembah Bujang ini. Dengan adanya pemandu pelancong di kawasan Lembah Bujang ini akan memudahkan para pelancong yang datang untuk melawat ke tapak-tapak bersejarah di sekitar Lembah Bujang terutama sekitar tapak arkeologi Sungai Batu. Selain itu, pelancong juga boleh mendapatkan informasi-informasi penting berkaitan tapak seperti jumpaan-jumpaan ditapak, bagaimna artifak diuruskan dan sejarah awal tapak. Disamping itu, pelancong juga dapat melawat ke tapak-tapak menarik yang berada disekitar Lembah Bujang dengan bantuan pemandu pelancong yang terdiri daripada komuniti Lembah Bujang sendiri.

Komuniti perlulah lebih bersifat terbuka dalam menilai warisan setempat serta memberi tumpuan ke atas kepentingan dan faedah sumber warisan (Ibrahim Komoo, 2019). Komuniti Lembah Bujang perlulah sering melibatkan diri di tapak arkeologi Sungai Batu sebagai salah satu usaha untuk lebih menghargai sejarah warisan yang mereka ada. Keterlibatan komuniti di tapak ini akan membuatkan komuniti merasa lebih bangga dengan warisan yang mereka ada. Hal ini kerana, Sungai Batu dahulu merupakan kawasan yang menjadi pelabuhan serta tempat peleburan besi di awal kurun pertama masihi. Kepakaran penduduk Sungai Batu ketika itu dalam bidang pembinaan bangunan, peleburan besi, pembuatan bahan mentah seperti batu dan relau (Mahani, 2015). Justeru, hal ini akan membuka mata pelbagai pihak tentang kepentingan untuk lebih menghayati dan menghargai sejarah warisan setempat.

4.2 Tahap Penglibatan Komuniti Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang

Penglibatan komuniti di tapak areologi Lembah Bujang amat penting. Mengikut tangga penglibatan komuniti oleh Arnstein (1969), skala tangga penyertaan terdapat tiga peringkat penyertaan komuniti dalam pengurusan sesebuah tapak kajian. Bermula dengan tidak mengambil penyertaan dalam kajian, ‘tokenism’ dan kuasa penduduk. Dalam pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang ini komuniti terlibat secara ‘tokenism’ iaitu memberi maklumat kepada pihak pengurusan tapak yang mengkaji dan juga secara kuasa penduduk di mana komuniti juga berkuasa untuk membuat keputusan mempengaruhi keputusan pihak pengurusan. Dalam konteks kuasa penduduk, pihak pengurusan tapak akan bekerjasama dalam membentuk keputusan supaya tidak ada pihak yang rugi. Tahap penglibatan komuniti di tapak aekeologi di Lembah Bujang tidak mencapai tahap kuasa rakyat. Hal ini kerana, setiap keputusan yang dibuat adalah dari pihak pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu iaitu Jabatan Warisan Negara. Komuniti hanya membantu dalam memberikan maklumat dan membantu dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan di tapak.

Tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang diuji dengan kaji selidik yang telah disediakan oleh pengkaji. Seramai 391 orang responden telah memberikan kerjasama dengan menjawab soalan kaji selidik yang telah diedarkan secara atas talian. Responden perlu menjawab soalan secara atas talian dalam ‘google form’. Saiz sampel yang pengkaji gunakan dalam kajian ini adalah 10% dari jumlah penduduk Daerah Kuala Muda, Kedah. Penentuan saiz sampel ini adalah hasil dari pengiraan jumlah populasi penduduk mukim bujang pada tahun 2010 iaitu seramai 13.342 orang dan pengkaji telah menggunakan teori jadual Krejcie Morgan (1970) untuk penentuan saiz sampel ini.

4.2.1 Data Demografi Responden

Data ini mengandungi data-data yang berkaitan dengan latar belakang sosio demografi para responden yang terlibat dalam melengkapkan kajian ini. maklumat ini diperolehi berdasarkan bahagian-bahagian soalan yang telah dijawab oleh responden di Tapak Arkeologi Sungai Batu melalui link ‘google form’ yang mengandungi soalan soal selidik. Maklumat-maklumat tersebut adalah berhubung dengan jantina, umur, bangsa, pekerjaan dan status. Maklumat para responden telah dialihkan ke dalam bentuk rajah seperti yang ditunjukkan di bawah.

	Kekerapan	Peratusan
21 Hingga 25 Tahun	73	18.7
26 Hingga 30 Tahun	61	15.6
31 Hingga 35 Tahun	43	11.0
36 Hingga 40 Tahun	57	14.6
41 Hingga 45 Tahun	36	9.2
46 Tahun Dan Ke Atas	85	21.7
Kurang Dari 20 Tahun	36	9.2
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.1 : Taburan Responden Mengikut Umur Pelawat.

Sumber : Kajian Lapangan, Soal Selidik,2022

Berdasarkan Jadual 4.1 menunjukkan dapatan kajian yang menunjukkan bahawa seramai 73 orang ataupun (18.7%) daripada responden kajian adalah terdiri daripada golongan umur 21 tahun hingga 25 tahun. Manakala, seramai 61 orang atau (15.6%) responden yang berumur sekitar 26 tahun hingga 30 tahun. Responden yang berumur 31 tahun hingga 35 tahun mempunyai frekuensi seramai 43 orang ataupun (11%). Responden yang berumur 36 tahun hingga 40 tahun pula adalah seramai 57 orang ataupun (14.6%). Untuk golongan umur 41 tahun hingga 45 tahun adalah seramai 36 orang atau (9.2%). Responden yang berumur 46 tahun dan keatas pula mempunyai

frekuensi seramai 85 orang ataupun (21.7%) dan yang terakhir sekali bilangan responden paling rendah adalah seramai 36 orang ataupun (9.2%) iaitu golongan umur kurang dari 20 tahun. Hal ini berkemungkinan bahawa golongan responden yang berumur bawah 20 tahun ini kurang berminat menjawab soalan-soalan kaji selidik ataupun tidak mempunyai gajet untuk digunakan bagi menjawab soalan soal selidik. Kemungkinan jika pengkaji mengedarkan soalan soal selidik ini dalam bentuk kertas, mungkin peratusan golongan responden yang berumur bawah 20 tahun akan meningkat sedikit. Manakala taburan responden mengikut bangsa pula adalah seperti berikut:

	Kekerapan	Peratusan
Cina	27	6.9
India	5	1.3
Lain - lain	6	1.5
Melayu	353	90.3
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.2 : Taburan Responden Mengikut Bangsa

Sumber : Kajian Lapangan, soal selidik, 2022

Jadual 4.2 menunjukkan bahawa seramai 27 orang atau (6.9%) responden adalah dalam kalangan bangsa cina. Selain itu, responden terdiri daripada kaum india menunjukkan seramai 5 orang responden atau (1.3%), manakala responden terdiri daripada lain-lain bangsa pula seramai 6 orang atau (1.5%) responden. Bangsa yang ramai ramai adalah bangsa melayu dengan 353 orang atau (90.3%) responden. Seterusnya, taburan responden mengikut taraf pendidikan pengalaman pekerjaan pula seperti yang dinyatakan dibawah :

	Kekerapan	Peratusan
Asasi	1	0.3
Diploma	53	13.6
Ijazah Sarjana Muda	114	29.2
PHD	4	1.0
PMR	1	0.3
Sarjana	8	2.0
Sijil	1	0.3
Sijil Teknikal	1	0.3
SkM Tahap 3	1	0.3
SPM	206	52.7
SRP	1	0.3
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.3: Taburan Responden Mengikut Taraf Pendidikan

Sumber: Kajian Lapangan, soal selidik,2022

Jadual 4.3 menunjukkan bahawa terdapat 1 orang atau (0.3%) responden yang bertaraf Pendidikan dalam kategori Asasi. Untuk kategori diploma pula seramai 53 orang atau (13.6%) responden yang menjawab, manakala bagi kategori ijazah sarjana muda adalah seramai 114 orang atau (29.2%). Seramai 4 orang atau (1.0%) responden dalam kategori taraf Pendidikan PhD. Bagi taraf Pendidikan PMR, sijil, sijil teknikal, SKM tahap 3 dan SRP hanya mempunyai seorang responden ataupun (0.3%). Data yang dikumpul paling ramai adalah kategori taraf pendidikan diperingkat SPM iaitu seramai 206 orang atau (52.7%). Data ini memwakili jumlah responden yang kebanyakannya dari kategori berumur 46 tahun dan ke atas. Golongan ini mungkin tidak mempunyai taraf pendidikan yang tinggi kerana zaman dahulu mereka tidak mementingkan pendidikan yang tinggi sebaliknya lebih mementingkan kemahiran kendiri. Walaupun begitu, tidak menghalang mereka dari terlibat dengan tapak arkeologi ini. hal ini kerana mereka yang lebih mengetahui tentang cerita-cerita zaman dahulu kerana mereka lebih

dekat jurang umur dengan orang tua dahulu. Seterusnya adalah taburan responden pengalaman pekerjaan:

	Kekerapan	Peratusan
Bekerja sendiri	85	21.7
Kerajaan	73	18.7
Pelajar	96	24.6
Swasta	123	31.5
Tidak bekerja	14	3.6
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.4: Taburan Responden Mengikut Pengalaman Pekerjaan

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Jadual 4.4 menunjukkan seramai 85 orang atau (21.7%) responden yang bekerja sendiri, manakala 73 orang atau (18.7%) responden merupakan penjawat kerajaan. Penjawat awam yang menjawab soalan soal selidik ini mungkin terdiri daripada guru sekolah, polis, tentera, jururawat ataupun penjawat badan-badan berkanun yang lain. Seterusnya, seramai 96 orang atau (24.6%) responden yang masih bergelar pelajar. Golongan pelajar yang menjawab kajian ini mungkin pelajar ijazah sarjana muda, pelajar diploma ataupun asasi. Selain itu, seramai 123 orang atau (31.5%) responden yang merupakan kelompok tertinggi yang menjadi responden adalah dari kalangan pekerja sektor swasta. Peratusan paling rendah sekali adalah golongan yang tidak bekerja dengan 14 orang atau (3.6%) responden. Bagi mereka yang berada dalam kategori tidak bekerja ini mungkin antaranya baru sahaja menamatkan pengajian atau individu yang terkesan dengan bencana ‘covid-19’ tempoh hari. Golongan ini mungkin kurang berminat untuk menjawab soalan-soalan soal selidik yang dirasakan tidak penting bagi mereka. Selain itu, mungkin ada juga yang terkesan dengan bencana ‘covid-19’ dan tidak mampu untuk membeli gajet yang baru yang boleh akses dengan mudah soalan soal selidik yang disediakan didalam ‘google form’.

4.2.2 Tahap Penglibatan Komuniti Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang

Melawat ke tapak arkeologi dilihat sebagai salah satu usaha untuk menambah ilmu tentang sejarah asal usul sesuatu tempat. Dengan bantuan daripada juru pandu yang bertugas di tapak arkeologi ini, pelawat akan dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai aktiviti yang pernah dijalankan di tapak ini. Selain itu, lawatan ke tapak arkeologi juga dapat menanam sikap kagum akan kecekalan dan kegigihan orang dahulu dalam mencari rezeki dan meningkatkan ekonomi negara. Dapat dilihat dari lawatan ke tapak arkeologi Sungai Batu ini terdapat beberapa penemuan seramik dari China, Arab dan jumpaan manik dari India. Hal ini membuktikan bahawa terdapat aktiviti perdagangan antarabangsa pernah berlaku di Pelabuhan Lembah Bujang ini. Menurut Abdullah (2016), Lembah Bujang merupakan satu kawasan prospek tinggi yang berteraskan warisan, alam semulajadi serta nilai kemasyarakatan. Tapak-tapak arkeologi yang terdapat di Lembah Bujang ini perlulah dijaga dengan baik dan diberi perhatian yang khusus serta mendapat penglibatan dari individu yang pakar dalam bidang arkeologi.

Azhar Abdul Ghani dalam kajian beliau mentakrifkan komuniti sebagai sekumpulan kecil manusia yang tinggal di suatu pertempatan yang mengamalkan suatu tahap autonomi dan cara hidup tersendiri, berkongsi aspirasi dan kehendak, berpartisipasi dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan serta mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan. Manakala, menurut Abdul Samad Hadi (2004) pula, komuniti mempunyai penglibatan maksimum dalam menentukan hala tuju dan keadaan setempat. Dalam bahagian ini, pengkaji juga ini melihat tahap penglibatan di tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang berada

ditahap mana. Menurut teori Arnstein (1969), tangga penyertaan terbahagi kepada tiga iaitu, tiada penyertaan, ‘tokenism’ dan kuasa rakyat.

	Kekerapan	Peratusan
Tidak	133	34.0
Ya	258	66.0
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.5 : Taburan Responden Mengikut Pernah Melibatkan Diri Dalam Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang

Sumber: Kajian Lapangan, 2022

Untuk mengetahui tentang jumlah komuniti yang pernah terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang ini pengkaji telah menjalakan kaji selidik dalam bentuk soalan ‘google form’ bagi mendapatkan data. Setelah data dikumpul dapat dilihat bilangan responen yang pernah terlibat dalam pengurusan tapak lebih ramai berbanding bilangan responden yang tidak pernah terlibat dalam pengurusan tapak. Merujuk jadual di atas seramai 258 orang atau (66%) responden pernah melibatkan diri di tapak arkeologi ini, manakala seramai 133 orang atau (34%) responden tidak pernah melibatkan diri di tapak arkeologi ini. Hal ini kerana, mungkin responen yang tidak pernah melibatkan diri dalam pengurusan tapak beranggapan tapak arkeologi ini tidak penting dan tidak membawa keuntungan kepada mereka. Selain itu, mereka juga mungkin beranggapan bahawa tapak ini adalah tapak kajian dan tidak boleh dimasukki sesuka hati kerana dikhawatir mengganggu proses penyelidikan yang dijalankan. Disamping itu, juga perasaan takut yang melebihi perasaan ingin tahu menjadikan responden tidak mahu untuk menyertai kumpulan komuniti yang lain dalam melibatkan diri dengan pihak pengurusan tapak di Lembah Bujang. Bagi menyokong kenyataan ini, hasil daripada temubual dengan infoman 3;

“daripada segi pembangunan dan pengurusanlah kita katakan, sebab misalnya. Tempat ini okay, ‘welcoming’ untuk komuniti. So, komuniti akan datanglah. Aa misalannya tempat ini sendiri tak ‘welcoming’ untuk orang, so memang takut-takut nak datang. Haa kan, takt ahu boleh masuk ke tak seram takut je kan?”

(Informan 3, November, temubual, 2022)

Daripada jawapan temubual dengan informan itu, menunjukkan bahawa pihak pengurusan mengalu-alukan penglibatan dari komuniti di tapak cuma persepsi masyarakat yang perlu diubah bahawa tapak sejarah ini boleh dilawati walaupun terlihat suram dan seram. Dari dialong di atas, informan menyatakan bahawa pihak pengurusan tapak arkeologi ini sangat mengalu-alukan kedatang komuniti ke tapak kajian bagi membantu mereka. Pihak pengurusan sangat berbesar hati menerima huluran bantuan daripada komuniti yang ingin membantu mereka menguruskan tapak ini.

		Tidak	Ya	Jumlah
UMUR	21 hingga 25 tahun	48	25	73
	26 hingga 30 tahun	6	55	61
	31 hingga 35 tahun	7	36	43
	36 hingga 40 tahun	33	24	57
	41 hingga 45 tahun	3	33	36
	46 tahun dan ke atas	32	53	85
	Kurang dari 20 tahun	4	32	36
Jumlah		133	258	391

Jadual 4.6 : Taburan Responden Mengikut Perbandingan Umur Dan Pernah Melawat Ke Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang

Sumber : Soal Selidik, 2022

Berdasarkan data yang ditunjukkan dalam jadual diatas, komuniti paling ramai melibatkan diri dalam pengurusan tapak arkeologi ini adalah 55 orang iaitu dari golongan umur 26 hingga 30 tahun. Hal ini mungkin disebabkan golongan ini lebih cenderung perasaan ingin tahu dan suka untuk melibatkan diri dalam aktiviti berkaitan

dengan sejarah. Golongan umur seperti ini biasanya golongan yang bekerjaya dan masih bertenaga untuk menyalurkan bantuan kepada pihak pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang ini untuk sama-sama menjaga khazanah negara yang tidak ternilai ini. Selain itu, seramai 25 orang responden dari golongan umur 21 tahun hingga 25 tahun telah terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi dan 48 orang dari 73 orang tidak pernah terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang ini, manakala seramai 36 orang responden melibatkan diri dalam pengurusan tapak dan 7 orang responden tidak pernah terlibat dalam pengurusan tapak bagi golongan umur 31 tahun hingga 35 tahun dari jumlah 43 orang.

Seterusnya, di antara 57 orang responden bagi kategori umur 36 tahun hingga 40 tahun seramai 24 orang pernah melibatkan diri dalam pengurusan tapak, manakala lebih 33 orang tidak pernah terlibat dengan pengurusan tapak. Bagi kategori umur 41 tahun hingga 45 tahun, seramai 33 orang responden pernah terlibat dalam pengurusan tapak berbanding hanya 3 orang sahaja tidak terlibat dalam pengurusan tapak dari jumlah 36 orang responden. Untuk kategori umur 46 tahun ke atas pula seramai 53 orang responden yang pernah melibatkan diri dalam pengurusan tapak, manakala 32 orang lagi tidak pernah terlibat dalam pengurusan tapak dari jumlah 85 orang responden. Responden untuk peringkat umur kurang dari 20 tahun pula seramai 32 orang responden yang menjawab pernah dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang ini, manakala seramai 4 orang daripada 36 orang responden tidak pernah terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang.

Kebanyakkan responden 26 tahun hingga 30 tahun yang mendominasi peratusan paling tinggi. Hal ini mungkin kerana minat atau rasa ingin tahu tentang sejarah yang tinggi dalam diri pelawat. Responen dalam kalangan umur 26 hingga 30 tahun ini masih kuat dan tenaga mereka amat diperlukan dalam membantu menguruskan tapak. Hasil

kajian mendapati bahawa tahap penglibatan komuniti di tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang berada di tangga penyertaan ke dua iaitu ‘tokenism’. Komuniti di Lembah Bujang ini berada di tahap ‘placation’ di mana mereka menyerahkan urusan membuat keputusan dan memberikan kuasa pengurusan kepada individu atau organisasi yang tidak mempunyai hak ke atas tempat mereka. Dalam hal ini , Jabatan Warisan Negara yang bertanggungjawab menguruskan tapak ini. Komuniti hanya akan membantu jika diminta.

4.2.3 Penyertaan Komuniti Dalam Aktiviti Yang Dianjurkan Oleh Pihak Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang.

Komuniti di Lembah Bujang bukan sahaja melibatkan diri dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang, malah mereka juga melibatkan diri aktiviti-aktiviti yang dijalankan di tapak ini. Tonsun (2000), penglibatan komuniti merupakan satu bentuk tindakan sukarela bagi individu mengambil peluang dan memikul tanggungjawab kemasyarakatan. Menurut informan yang ditemu bual,

“Okay, kita lihat konsep sekarang tahun 2016 Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini pernah buat Festival Kedah Tua. So, kita punya fokus adalah penduduk sekitarlah. Penduduk, orang kampung yang kita bawa juga macam usahawan-usahawan daripada komuniti-komuniti sekitar kita yang datang ke sini untuk perkenalkan produk-produk IKS diorang lah. Jadinya memang pelawat dalam festival itu sahaja kita buat dua hari lebih kurang 6000 orang. 6000 orang pelawat lah yang daripada penduduk sekitar dan juga luar jugaklah yang kita war-warkan. Jadi daripada situ, festival tu dia berkembang. So, maknanya daripada situ, masyarakat setempat dah tahu tapak ini adalah tapak arkeologi, sama macam tapak Pengkalan Bujang, tapak Bukit Chandi Batu Pahat”.

(Informan 3, temu bual, bersemuka, 2022)

Berdasarkan pernyataan di atas, pada tahun 2016 telah diadakan Festival Kedah Tua di tapak arkeologi Sungai batu di Lembah Bujang yang berfokuskan

memperkenalkan produk-produk komuniti di Lembah Bujang. Tujuan utama festival ini memperkenalkan tapak arkeologi Sungai Batu kepada umum disamping memperkenalkan produk-produk usahawan Industri Kecil Sederhana (IKS), komuniti setempat. Festival yang diadakan selama dua hari ini dihadiri seramai 6000 pengunjung dari komuniti Lembah Bujang sendiri dan juga luar kawasan Lembah Bujang. Oleh itu, pengunjung dapat pengetahui tentang kewujudan tapak arkeologi ini dan fungsi tapak ini yang sama dengan tapak-tapak arkeologi lain yang terdapat di Lembah Bujang seperti tapak Pengkalan Bujang dan tapak Bukit Batu Pahat. Untuk menyokong pernyataan yang dinyatakan oleh informen di atas, pengkaji ada membuat kajian lapangan menggunakan soalan soal selidik. Di bawah merupakan jadual taburan responden mengikut keterlibatan komuniti dalam aktiviti yang dianjurkan di tapak arkeologi di Lembah Bujang.

	Kekerapan	Peratusan
Sangat Setuju	49	12.5
Sangat Tidak Setuju	6	1.5
Sederhana Setuju	169	43.2
Setuju	105	26.9
Tidak Setuju	62	15.9
Jumlah	391	100.0

Jadual 4.7 : Taburan Responden Mengikut Keterlibatan Komuniti Dalam Aktiviti Yang Dianjurkan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang.

Sumber :Kajian Lapangan, 2022

Jadual 4.7 menunjukkan bahawa data yang dikumpul mengenai penglibatan komuniti dalam aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi Sungai Batu adalah seramai 49 orang atau (12.5%) menjawab sangat setuju. Bagi data sangat tidak setuju pula seramai 6 orang atau (1.5%) responden, manakala 169 orang atau (43.2%) responden menjawab

sederhana setuju. Seterusnya, terdapat 105 orang atau (26.9%) responden setuju terlibat dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu ini, manakala seramai 62 orang atau (15.9%) responden tidak setuju terlibat dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan Sungai Batu. Hal ini kerana, mungkin responden bukan dari kalangan komuniti yang suka bergaul atau yang suka menyertai aktiviti – aktiviti yang melibatkan ramai orang. Perkara ini mungkin juga disebabkan serangan ‘covid-19’ yang melanda negara tempoh hari menjadikan komuniti tidak mahu mengambil risiko untuk menyertai apa-apa aktiviti yang melibatkan orang ramai. Bagi menyokong pernyataan ini, hasil temubual infoman 3:

“kebanyakkannya pelawat dari tempatan lah. Tempatan tu memang ramai la. Orang luar tu tak da la ramai sangat. Macam tak berapa nak ramai lah. Lepas tu ‘covid’ yang tu memang ‘drop’ lah”.

(Informan 3, Temu bual, November, 2022)

Menurut informan, kebanyakkan pelawat yang melawat ke tapak adalah komuniti sekitar Lembah Bujang. Manakala, pelawat dari luar kawasan Lembah Bujang adalah kurang. Selain itu, serangan ‘covid-19’ juga memberi kesan terhadap bilangan pengunjung ke tapak arkeologi ini. Hal ini kerana, ketika negara mengeluarkan perintah kawalan pergerakkan, tiada satu pun individu diberiarkan keluar rumah tanpa tujuan penting. Setelah berakhir perintah kawalan pergerakkan tersebut, masyarakat masih lagi berasa takut untuk ke tempat-tempat yang perlu berjumpa dengan orang lain kerana masih trauma dengan serangan ‘covid-19’. Jadual dibawah adalah perbandingan antara taraf pendidikan dengan persetujuan komuniti tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi di Lembah Bujang.

		Sangat Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Jumlah
TARAF PENDIDIKAN	Asasi	0	0	1	0	0	1
	Diploma	2	0	19	5	27	53
	Ijazah Sarjana Muda	13	5	31	45	20	114
	PHD	1	0	1	1	1	4
	PMR	0	0	0	1	0	1
	Sarjana	4	0	0	3	1	8
	Sijil	0	0	0	0	1	1
	Sijil Teknikal	0	0	1	0	0	1
	SKM Tahap 3	0	0	0	1	0	1
	SPM	29	1	116	48	12	206
Jumlah		49	6	169	105	62	391

Jadual 4.8 : Taburan Responden Mengikut Perbandingan Taraf Pendidikan Dengan Penglibatan Komuniti Dalam Setiap Aktiviti Yang Dijalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang.

Sumber : Kajian Lapangan,2022

Berdasarkan jadual 4.8 bilangan responden yang memilih sangat setuju adalah sebanyak 29 orang responden bertaraf pendidikan SPM menjawab sangat setuju untuk keterlibatan dalam aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi Sungai Batu ini, manakal seramai 116 orang menjawab sederhana setuju. Jumlah ini agak tinggi dan kemungkinan responden berasa keliru adakah mereka pernah melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di tapak ini atau tidak. Bagi responden yang memiliki kelayakkan pendidikan Ijazah Sarjana Muda adalah sebanyak 13 orang responden yang menjawab sangat setuju, 5 orang menjawab sangat tidak setuju, 31 orang menjawab sederhana setuju, 45 orang setuju dan 20 orang lagi responden tidak setuju. Untuk kategori taraf pendidikan Ijazah Sarjana Muda ini merupakan pelajar yang menjalankan

kajian di tapak. Oleh itu, mereka menjawab sederhana setuju kerama keliru dengan kajian yang dijalankan boleh dikira sebagai menyetai aktiviti di tapak ini ataupun tidak.

Bagi taraf Pendidikan Asasi pula yang hanya seorang responden menjawab sederhana setuju. Responden taraf pendidik Sijil dan Sijil Teknikal yang masing-masing mempunyai seorang responden menjawab tidak setuju. PMR juga mempunyai seorang responden dan menjawab setuju, manakala untuk SRP yang juga mempunyai seorang responden menjawab setuju untuk soalan keterlibatan dalam aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi Sungai Batu. Untuk taraf Pendidikan PhD yang mungkin juga membuat kajian di tapak ini seramai 4 orang responden seorang menjawab sangat setuju, seorang menjawab sederhana setuju, seorang menjawab setuju dan seorang lagi menjawab tidak setuju untuk keterlibatan dalam aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi ini. Bagi peringkat Sarjana pula seramai 8 orang responden dan terbahagi kepada 4 orang menjawab sangat setuju ini bermakna mereka melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di tapak. Manakala, 3 orang responen menjawab setuju dan hanya seorang responden yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan oleh pihak pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu ini.

		Sangat Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Jumlah
TARAF PENDIDIKAN	Asasi	0	0	1	0	0	1
	Diploma	2	0	37	10	4	53
	Ijazah Sarjana Muda	20	5	30	41	18	114
	PHD	1	0	1	2	0	4
	PMR	0	0	0	1	0	1
	Sarjana	4	1	0	2	1	8
	Sijil	0	0	0	0	1	1
	Sijil Teknikal	0	0	1	0	0	1

	SKM Tahap 3	0	0	0	1	0	1
	SPM	31	2	89	75	9	206
	SRP	0	0	0	1	0	1
Jumlah		58	8	159	133	33	391

Jadual 4.9 : Taburan Responden Mengikut Perbandingan Taraf Pendidikan Dan Pengtahuan Tentang Aktiviti Yang Dijalankan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.

Sumber : Kajian Lapangan, 2022

Berikut adalah data dari taburan responden mengikut perbandingan taraf Pendidikan dan jumlah responden yang tahu tentang aktiviti yang dijalankan di tapak. Bagi kategori taraf Pendidikan yang paling tinggi yang menjawab soal selidik ini ialah SPM atau sijil pelajaran Malaysia iaitu seramai 206 orang responden. Dari jumlah berkenaan seramai 195 orang responden bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi ini. Manakala, 11 orang responden menjawab tidak setuju. Selain itu, seramai ijazah sarjana mudah adalah seramai 114 orang yang menjawab soalan soal selidik ini di mana, 91 orang bersetuju bahawa mereka mereka mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi ini. Manakala, seramai 21 orang responden menjawab tidak setuju. Hal ini mungkin kerana mereka tidak mendapat infomasi yang telah disampaikan oleh ketua kampung atau dimana-mana platform media sosial. Bagi kategori Diploma pula adalah seramai 53 orang responden telah menjawab kaji selidik ini. seramai 49 orang responden dari jumlah 53 orang tersebut bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan di tapak ini, manakala selebihnya 4 orang responden menjawab tidak bersetuju bahawa mereka mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi Lembah Bujang ini.

Bagi kategori sarjana pula adalah seramai 8 orang responden telah menjawab soal selidik yang pengkaji sediakan. Dari jumlah tersebut seramai 6 orang responden bersetuju manakala, baki 2 orang responden tidak bersetuju. Untuk taraf Pendidikan tertinggi iaitu PHD seramai 4 orang responden dan semua dari mereka menjawab setuju bahawa mereka mengetahui tentang aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi ini. Hal ini mungkin kerana mereka pernah menjalankan kajian atau penyelidikan di tapak ini. Yang terakhir, untuk taraf pendidikan SRP, PMR, Sijil, Sijil Teknikal, SKM tahap 3, dan Asasi masing -masing mempunyai 1 responden dan semuanya menjawab setuju mengenai pengetahuan mereka tentang terdapat aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi di Lembah Bujang ini.

Hasil dapatan kajian yang pengkaji peroleh dari data yang dianalisis oleh pengkaji, tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang ini berada di tahap ‘placation’. Ditahap ini komuniti membenarkan orang atau organisasi yang tidak mempunyai hak untuk mengutarakan pendapat dan sebagai pembuat keputusan (Arnstein, 1969). Menurut Halim (2017), penglibatan komuniti secara kolaboratif dengan pihak berkepentingan adalah penting kerana berpotensi bagi mengubah nilai, amalan dan tingkah laku serta penerimaan komuniti terhadap perubahan yang berlaku. Komuniti di Lembah Bujang hanya akan melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan di tapak arkeologi Sungai Batu. Tetapi, semua persiapan dan perangcangan akan diuruskan oleh pihak pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu. Dari data yang diperoleh, membuktikan bahawa komuniti melibatkan diri dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang.

4.2.4 Kerjasama Antara Komuniti Dan Pihak Pengurusan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang.

Menurut Jabatan Warisan Negara (2012), melindungi, memfokus kepada pengenalpastian, perlindungan, pemuliharaan, pemberkupilihan, pengubahselokan, penyelengaraan, pendokumenan dan penggiatan semua perkara, artifak, kawasan bersejarah, tradisional dan persekitarannya. Tapak arkeologi di Lembah Bujang ini mendapat kerjasama yang baik dari komuniti bagi membantu proses menguruskan tapak. Bagi menjawab objektif kerjasama antara komuniti dan pihak pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang ini, pengkaji telah menemu bual seorang responden yang bekerja di Jabatan Warisan Negara :

“Pihak USM yang menjalankan ekskavasi selama ni. Lepas tu sebarang jumaan artifak akan dibawa ke makmal ataupun akan dibersihkan di tapak lepas itu akan dipulangkan kepada Jabaan Warisan Negara berdasarkan kepada Akta Warisan Kebangsaan 505, sebarang jumpaan objek akan diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara”.

(Informan 2, Temu Bual, Bersemuka, November 2022)

Menurut informen, pihak Jabatan Warisan telah bekerjasama dengan pihak USM dalam menjaga artifak yang ditemui hasil ekskavasi pihak USM di tapak sekitar Lembah Bujang. Walaupun pihak USM yang menjumpai artifak tersebut, tetapi mengikut Akta Warisan Kebangsaan 505, sebarang jumpaan objek perlu diserahkan kepada Jabatan Warisan Negara. Sebarang jumpaan hasil ekskavasi, akan dibawa ke makmal ataupun dibersihkan di tapak dan selepas itu, data berkenaan jumpaan artifak tersebut akan diambil dan direkodkan untuk rekod Jabatan Warisan dan pihak USM. Untuk mengukuhkan lagi jawapan responden kepada objektif kajian. Pengkaji mengemukakan data dari kajian soalselidik yang telah dijalankan:

		Sangat Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Peratus
TARAF PENDIDIKAN	Asasi	0	0	1	0	0	1
	Diploma	2	1	20	4	26	53
	Ijazah Sarjana Muda	18	3	35	38	20	114
	PHD	1	0	1	1	1	4
	PMR	0	0	0	1	0	1
	Sarjana	4	0	0	2	2	8
	Sijil	0	0	0	0	1	1
	Sijil Teknikal	0	0	1	0	0	1
	SKM Tahap 3	0	0	0	1	0	1
	SPM	28	0	75	68	35	206
Total		53	4	134	115	85	391

Jadual 4.10 : Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Perbandingan Terdapat Kerjasama Antara Pihak Pengurusan Tapak Dengan Komuniti.

Sumber : Kajian Lapangan, Soal selidik, 2022

Berdasarkan jadual di atas, data tersebut dikumpul hasil dari edaran borang soal selidik oleh pengkaji. Responden paling ramai menjawab adalah dari kalangan taraf pendidikan SPM iaitu seramai 206 orang responden. Dari jumlah tersebut, seramai 178 orang responden bersetuju bahawa terdapat kerjasama antara pihak pengurusan tapak dengan komuniti. Manakala lebihan 26 orang responden tidak bersetuju. Untuk kategori kedua paling ramai responden iaitu kategori pemegang ijazah sarjana muda adalah seramai 114 responden. Dari jumlah tersebut, seramai 93 orang responden telah menjawab setuju bahawa terdapat kerjasama antara pihak pengurusan tapak dengan komuniti. Manakala, lagi 21 orang responden tidak bersetuju. Bagitaraf pendidikan Diploma pula,

seramai 53 orang responden telah menjawab kaji selidik ini. Dari jumlah tersebut, seramai 26 orang responden telah bersetuju bahawa terdapat kerjasama antara komuniti dan pihak pengurusan tapak, manakala 27 orang responden lagi tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

Seterusnya, seramai 8 orang responden dari kategori Sarjana telah menjawab soal selidik ini. dari jumlah tersebut, seramai 6 orang responden telah bersetuju bahawa terdapat kerjasama antara pihak pengurusan tapak dengan komuniti. Manakala, hanya 2 orang responden yang menjawab tidak setuju. Bagi taraf Pendidikan PHD, seramai 4 orang responden telah menjawab soal selidik ini. Dari jumlah tersebut, 3 orang responden telah bersetuju bahawa terdapat kerjasama antara pihak pengurusan dan komuniti dan hanya seorang sahaja tidak bersetuju. Untuk taraf Pendidikan SRP, PMR, Sijil Tenikal, SKM Tahap 3 dan Asasi masing-masing mempunyai seorang responden yang menjawab dan kesemuanya bersetuju bahawa terdapat kerjasama antara pihak pengurusan tapak dengan komuniti. Manakala, hanya taraf Pendidikan Sijil yang mempunyai seorang responden menjawab tidak setuju adanya kerjasama antara pihak pengurusan tapak dengan komuniti.

		Sangat Setuju	Sangat Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Jumlah
TARAF PENDIDIKAN	Asasi	0	0	1	0	0	1
	Diploma	2	2	36	7	6	53
	Ijazah Sarjana Muda	18	3	25	53	15	114
	PHD	1	0	2	1	0	4
	PMR	0	0	0	1	0	1
	Sarjana	4	0	2	2	0	8
	Sijil	0	0	0	0	1	1
	Sijil Teknikal	0	0	0	1	0	1

	SKM Tahap 3	0	0	0	1	0	1
	SPM	31	0	100	61	14	206
	SRP	0	0	0	1	0	1
Total		56	5	166	128	36	391

Jadual 4. 11: Taburan Taraf Pendidikan Mengikut Perbandingan Perspektif Terhadap Tapak Terbuka Kepada Umum

Sumber: Kajian Lapangan, Soal Selidik, 2022

Merujuk jadual 4.11, terdapat perbandingan antara taraf pendidikan dengan pernyataan tapak arkeologologi di Lembah Bujang terbuka kepada umum. Adakah responden bersetuju atau tidak. Dari jumlah keseluruhan responden 391 orang, terdapat hanya 41 orang sahaja responden yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Jika dilihat dari kelas taraf Pendidikan pula, kelas paling ramai yang menjawab soal selidik ini adalah SPM iaitu seramai 206 orang. Dari jumlah tersebut, 192 orang responden bersetuju bahawa tapak ini terbuka kepada umum dan hanya 14 orang tidak bersetuju. Untuk kelas ijazah sarjana muda pula, adalah ramai 114 orang. Dari jumlah tersebut, seramai 86 orang responden telah bersetuju dan hanya 18 orang tidak bersetuju dengan pernyataan bahawa tapak ini terbuka kepada umum. Untuk kelas DIPLOMA pula, dari 53 orang responden, seramai 43 orang responden bersetuju tapak ini terbuka kepada umum, manakala, hanya 8 orang responden saja tidak bersetuju.

Seterusnya, untuk kelas taraf pendidikan Sarjana pula, mempunyai responden seramai 8 orang responden dan kesemunya bersetuju bahawa tapak arkeologi di Lembah Bujang ini terbuka kepada umum. Untuk taraf Pendidikan SRP, PMR, Sijil, Sijil Teknikal, SKM Tahap 3 dan Asasi masing-masing hanya mempunyai seorang responden dan semuanya bersetuju bahawa tapak ini terbuka kepada umum. Bagi

mem yokong data penglibatan komuniti di tapak Lembah Bujang ini, pengkaji menemu bual informen :

“Melalui ‘survey’ Prof Dato’ Dr Mukhtar Saidin, dia jumpa tapak ni dulu. So, lepas tu kita bukaklah sekitar tapak SP1a, SP2a macam gitu lah. So, lepas daripada situ, aa ‘first’ kita bukak pun kita panggil jugak, komuniti-komuniti datang bantu. Ramai lah dalam 40-40 orang komuniti bantu kita, untuk ekskavasi. Kita ajarlah macam mana untuk ekskavasi. Macam mana nak timbulkan artifak, macam mana nak dedahkan artifak. Macamgitu kan. Lepas tu sekrang ni lebih kurang 53 buah tapak keseluruhannya yang kita dah ekskavasi dan kebanyakannya dibantu oleh komunitilah. Kita amik ‘local-community’ untuk bantu kita”.

(Informan 3, Temubual, Bersemuka, November 2022)

Menurut informen, melalui ‘survey’ Prof Dato’ Dr Mukhtar Saidin, beliau menjumpai tapak ini dan mulalah kerja-kerja ekskavasi dijalankan di tapak ini. Pada awal pembukaan tapak komuniti telah melibatkan diri dalam kerja-kerja ekskavasi. Komuniti datang membantu dan pihak USM memberikan tunjuk ajar kepada mereka bagaimana untuk ekskavasi dan cara untuk timbulkan artifak. Sebanyak 53 buah tapak telah dieskavasi hasil kerjasama dengan komuniti. Komuniti yang datang membantu terdiri daripada penduduk sekitar Lembah Bujang.

4.3 Langkah Melestarikan Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Bujang

Lestari dalam kamus dewan (2007) membawa maksud mengekalkan, memelihara dan menetapkan persekitaran atau hutan yang tidak berubah atau memelihara keasliannya. Keaslian lanskap tapak arkeologi ini seharusnya dipelihara atau dilestarikan. Hal ini kerana, tapak ini menyimpan begitu banyak khaznrah alam yang belum ditemui. Kerja-kerja cari gali ditapak ini perlulah diteruskan bagi memenuhi keperluan untuk mengangkat tapak ini sebagai salah satu tapak warisan tertua di Asia Tenggara. Bagi menghalang masalah kehilangan warisan budaya, pihak kerajaan perlulah mengambil

langkah berjaga-jaga iaitu dengan mewartakan tapak ini. pewartaan ini akan menyelamatkan warisan ketara dan juga tidak ketara daripada pupus ditelan zaman atau rosak total. Menurut Yuszaidy Mohd Yusoff (2011), warisan ketara yang dimiliki perlu dipertahankan dan dijaga kerana ia melambangkan jati diri dan lambang sesebuah negara. Pemeliharaan tapak dapat membantu generasi akan datang memahami masa silam yang merupakan salah satu perkara yang paling berharga untuk mengerti tentang adat dan budaya yang ditinggalkan.

4.3.1 Sumber Kewangan

Ramai pihak yang beranggapan bahawa apabila tapak arkeologi dibawah naungan Jabatan Warisan Negara maka, tapak ini mempunyai sumber kewangan yang banyak untuk kerja-kerja baik pulih tapak, baik pulih artifak dan kerja-kerja permbersihan tapak serta dari segi kawalan keselamatan dengan mengupah pengawal keselamatan tetapi sebenarnya tidak. Hal ini kerana, apabila bercakap tentang mana-mana kerajaan mereka hanya akan dibekalkan dengan sumber kewangan sesuai dengan bajet yang telah diperuntukan kepada mereka. Jika penggunaan melebihi mereka perlu mencari inisiatif lain bagi menampung kos yang tidak cukup.

“Pihak kami akan diberikan bajet tahunan dari ibu pejabat dan dari sumber tersebut akan kami gunakan untuk kerja-kerja pemuliharaan dan pemeliharaan di tapak arkeologi ini.”

(Informan 2, Disember, atas talian 2022)

Dari temu bual bersama pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Utara, beliau ada menyatakan tentang perancangan beliau untuk melestarikan tapak ini. Tetapi perkara ini bukan tanggungjawab Jabatan Warisan Negara sahaja, pihak berkuasa tempatan, NGO dan penduduk setempat juga memainkan peranan. Hal ini kerana, kerja-kerja melestarikan tapak ini memerlukan bantuan dari segi kerahan idea, kerahan tenaga,

masa dan yang paling utama kewangan. Dari segi kerahan idea diperlukan untuk mempromosikan tapak, membuat perancangan landskap supaya tapak arkeologi ini tampak lebih menarik dan lebih mesra pelawat. Sebagai contoh menyediakan surau, tandas, tempat makan serta gerai-gerai jualan cenderamata untuk pelawat bawa pulang sebagai kenangan. Semua ini memerlukan kerjasama yang baik dari semua pihak. Apabila semua memberikan kerjasama, maka lebih mudahlah kerja-kerja yang dirancang dapat dijalankan.

Isu kewangan bukanlah satu isu baru dalam konteks pemuliharaan dan pemeliharaan sesebuah tapak. Tapak arkeologi di sekitar Lembah Bujang ini juga terkena tempiasnya. Hal ini kerana, terdapat dalam satu petikan dalam keratan akhbar melalui pembacaan secara atas talian, kajian ekskavasi di salah satu tapak arkeologi di Lembah Bujang tidak dapat diteruskan kerana isu kewangan. Pengkaji telah bertanyakan kepada informen yang bekerja di Jabatan Warisan Negara kerana Jabatan sendiri yang menguruskan tapak ini, bagaiman isu kewangan ini diuruskan oleh mereka.

“ Kita kena faham dulu prosedur badan kerajaan memohon dana. Tu yang pertama. Kedua, kita bukannya senang nak terima duit dari individu ke bukak tabung ke apa ke. Itu buka cara yang mudah. Dia punya prosedur sangat susah. Ketiga, antara yang kita boleh buat, biasanya kita akan mohon bajet tahunan ataupun bajet semasa daripada jabatan ataupun kementerian”.

(Informan 2, Temubual, Bersemuka, November 2022)

Hasil dari temubual, menurut informen yang bekerja di Jabatan Warisan Negara, kita perlu faham prosedur sebagai badan kerajaan untuk memohon dana dari mana-mana pihak. Pihak Jabatan warisan Negara yang menguruskan tapak arkeologi di Lembah Bujang ini tidak boleh sewenang-wenangnya menerima bantuan kewangan dari mana-mana pihak. Hal yang melibatkan kewangan bukanlah sesuatu yang mudah untuk

diuruskan kerana jika terdapat sedikit kesilapan pada laporan kewanga, pihak yang menguruskan kewangan tersebut akan dipersoalkan ketelusan beliau. Selain itu, merurut beliau, pihak Jabatan Warisan akan memohon bajet tahunan atau bajet semasa mengikut keperluan daripada Jabatan sendiri ataupun daripada kementerian.

Untuk memohon dana memelihara tapak pula, menrut informen :

“Prosedur sama jugak kalau kita nak buat untuk kerja-kerja pembangunan kat tapak tersebut. Sebab memerlukan kos yang banyak. Lepas dapat sumber kewangan baru boleh buat kerja. Kalau tak dapat bantuan ataupun tak dapat kewangan tambahan kita tak boleh buat apa-apa. Satu. Kedua, melalui dasar kerajaan sekarang, melalui kementerian MOTAC, kita ada bantuan untuk tapak warisan dan pelancongan. Kita buat penyelenggaraan kecil-kecilan dan tahun depan kita akan mohon lagi untuk kerja-kerja yang lain. Dari semasa ke semasa kita akan buat penyelenggaraan tapak. penyelenggaraan tapak ni kosnya agak besar jugak untuk keluasan tapak. Lagi-lagi untuk penyelenggaraan ‘shelter’, wakaf-wakaf berbungung itu”.

(Informan 2, Temubual, Bersemuka, November 2022)

Menurut informen, prosedur untuk menjalankan kerja-kerja pembangunan di tapak menggunakan prosedur yang sama iaitu perlu memohon bajet dari jabatan atau kementerian. Hal ini kerja, kerja-kerja pembangunan ini memakan kos yang banyak. Selepas mendapat kelulusan kewangan barulah kerja-kerja baik pulih dan pembangunan dapat dijalankan. Selain itu, dibawah pimpinan kerajaan sekarang melalui kementerian Pelancongan Seni dan Budaya atau ‘Ministry of Tourism, Arts and Culture’ MOTAC, pihak Jabatan Warisan Negara mendapat bantuan untuk tapak warisan dan pelancongan. Dengan bantuan tersebut, maka kerja-kerja penyelenggaran dapat dijalankan secara kecil-kecilan. Pihak Jabatan Warisan Negara merancang untuk membuat penyelenggaran secara kecil-kecilan iaitu membuat ‘shelter’ atau wakaf-wakaf berbungung untuk melindungi artifak yang dijumpai terkena sinaran matahari secara

terus dan air hujan. Pembinaan wakaf ini memakan kos yang besar untuk keluasan tapak arkeologi di Lembah Bujang.

4.3.2 Menjaga Kebersihan Dan Keselamatan Tapak Serta Kemudahan di Tapak.

Tapak arkeologi Lembah Bujang di Sungai Batu ini mempunyai keluasan tapak sebanyak 8 hektar. Dengan keluasan tanah yang luas ini, satu bahagian tapak ini telah digunakan oleh pihak Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah dijadikan sebagai tapak letak kenderaan. Tapak ini bukan sahaja digunakan sebagai tapak meletak kenderaan tetapi adakalanya digunakan sebagai tapai ekspo. Sebarang aktiviti besar-besaran bersama komuniti setempat akan dijalankan ditapak ini termasuklah gerai jualan, pameran, pertandingan berkaitan warisan ataupun konsert.

Oleh kerana tapak yang luas, pihak pengurusan tapak perlu memberikan perhatian terhadap kesemalatan tapak dan juga pengunjung serta menjaga kebersihan tapak. Pengkaji ada bertanyakan kepada salah seorang informen tentang penjagaan tapak :

“Tapak Sungai Batu setakat ini anggaran setiap bulan boleh lah 600 ke atas sampai 1000 lebih sebulan untuk kunjungan pelawat. Terutama pada musim cuti sekolah ja yang ramai dan hujung minggu dari hari-hari biasa tak ramai orang. Lepastu daripada situ kita tak boleh nampak apa keperluan semasa untuk kita kerja-kerja pembangunan. Kalau kita menyediakan kerja-kerja infra tapia pa kehendak pengunjung payah jugak”.

(Informan 2, Temubual, Atas talian, 2022)

Menurut informan, tapak arkeologi Sungai Batu yang berada di Lembah Bujang ini mempunyai anggaran pelawat dari 600 ke 1000 orang dalam sebulan terutamanya pada musim sekolah. Dari kunjungan pelawat pihak pengurusan tapak dapat membuat perancangan penambahbaikan yang perlu ditambah untuk masa yang akan datang bagi keselesaan pelawat. Menurut informen lagi :

“Kawasan paya tu banyak babi hutan. Jai berhati-hatilah. Lepastu banyak ular. Ular pun ada jugak di kawasan tu. Sebab kawasan paya dan kawasan kelapa sawit memang berpotensi. Tapi sekarang kawasan ni bersih tak merisaukan sangat dah. Kita ada laluan-laluan dia. Jadi follow ja laluan tersebut”.

(Informan 2, Temubual, Atas talian, November 2022)

Di kawasan sekitar tapak terdapat paya dan kawasan tersebut dihuni oleh babi hutan serta ular. Hal ini kerana, tapak arkeologi ini terletak berdekatan kawasan paya dan beraa dalam kawasan kelapa sawit. Oleh itu, risiko terdapat ular di kawasan tersebut sangatlah tinggi. Walaupun begitu, setelah diambil alih oleh pihak Jabatan Warisan, kawasan ini telah dibersihkan secara berkala dan pihak pengurusan tapak telah membuat laluan khas untuk pelawat. Laluan tersebut dibuat bagi memudahkan pelawat melawat tapak-tapak ekskavasi yang telah selesai urusan ekskavasi dan sedia untuk dipamerkan kepada pelawat. “Sebab kita nak sediakan tapak ni sebagai ‘World Heritage Site’. So, kita perlukan pemandu pelancong sini. Haa itu yang kita buatlah” (Informan 4, temubual, bersemuka, November 2022). Tapak arkeologi di Lembah Bujang ini dalam perancangan untuk dijadikan sebagai ‘World Heritage Site’. Oleh itu, pihak pengurusan tapak dan NGO berekerjasama menjaga dan menaikan nama tapak agar dikenali. Bukan itu sahaja, setelah tapak ini dijadikan sebagai ‘World Heritage Site’, pihak pengurusan tapak akan memerlukan pemandu pelancong bagi memudahkan pelancong untuk melawat ke tapak-tapak menarik sekitar Lembah Bujang dan mendapatkan info sejarah sesuatu tempat dengan sahih.

4.3.3 Promosi

Promosi merupakan salah satu kaedah kita memperkenalkan produk kita. Begitu juga dengan tapak warisan, perlu dipromosikan untuk memberitahu umum bahawa tapak ini wujud dan menerima lawatan dari pelawat yang berminat untuk melawat ke tapak. Mengadakan program yang melibatkan masyarakat juga merupakan salah satu langkah

promosi. Untuk menjawab objektif ini, pengkaji telah menemu bual seorang informen yang terlibat dalam pengurusan di tapak arkeologi di Lembah Bujang:

“so, daripada 2009 sampailah ke 2016, festival yang pertama tu, pelawat memang ramailah, yang datang. Tapi Cuma mula-mula tu diorang tak didedahkan. Macam diorang takut nak datang, nak masuk tu. Eh, boleh ke masuk ke tak boleh masuk ke, macam tu lah kan”.

(**Informan 3, Temubual, Bersemuka, November 2022**)

Daripada pernyataan di atas, informen ingin menyampaikan bahawa, tapak ini pernah menganjurkan sebuah festival dan festival tersebut telah membuka mata komuniti tentang apa yang terdapat di tapak tersebut dan tapak ini boleh dilawati. Jika tiada festival berkenaan mungkin mereka yang ini melawat ke tapak akan mengambil masa dahulu untuk berfikir adakah boleh mereka melawat ke tapak. Selepas festival tersebut, semakin ramai pelawat yang datang ke tapak arkeologi ini untuk melihat apa yang dipamerkan di tapak. Terdapat juga festival yang baru sahaja dijalankan selepas negara dilanda ‘covid’ iaitu Purwa Puitika. Purwa Puitika. Program ini dianjurkan oleh NGO. Pihak Jabatan Warisan yang menyediakan tapak dan kita mengalu-alukan mereka datang dan membuat program di tapak kita lah. Kita takda masalah (Informan 2, temu bual, atas talian, November 2022). Menurut informen kedua, antara langkah untuk melestarikan tapak juga adalah dengan mengadakan program bagi mendekatkan komuniti dengan tapak ini. Pihak NGO telah menganjurkan sebuah program yang dinamakan Purwa Puitika yang menjemput penyanyi, pelakon dan aktivis warisan bagi menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke program tersebut. Pihak Jabatan Warisan memberikan kerjasama mereka dengan menyediakan tapak untuk diadakan program berkenaan.

Selain itu, informen lain juga membantu menambah maklumat penkaji iaitu, ramai la sebab tarikan dia satu, Siti Nurhaliza (Informan 3, temu bual, bersemuka, November 2022). Program Purwa Puitika ini menampilkan Dato' Seri Siti Nurhaliza sebagai tarikan kepada festival ini. Justeru, meningkatkan jumlah pengunjung kerana pastinya ramai yang ingin melihat persembahan dari ikon nombor satu negara itu. Program-program seperti ini perlu sering dilakukan kerana dapat menarik minat komuniti dari pelbagai peringkat umur. Selain itu, ini juga salah satu cara pendekatan secara halus bagi mendekatkan komuniti dengan tapak warisan. Jika tiada program seperti ini, mungkin agak berat untuk menarik perhatian masyarakat untuk melawat ke tapak.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan tentang cadangan dan rumusan setelah pengkaji memperolehi maklumat daripada hasil dapatan kajian bab 1 hingga bab 5. Bab ini juga merangkumi bab satu hingga bab lima bagaimana pihak pengurusan tapak arkeologi Lembah Bujang menguruskan tapak agar dapat memastikan kelestarian tapak arkeologi sekitar Lembah Bujang. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk melihat keterlibatsama komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Pengkaji telah mengambil masa yang panjang untuk mengumpul data daripada responden kerana tidak semua komuniti dapat menjawab soal selidik yang telah diedarkan secara ‘google form’ oleh kerana beberapa kekangan. Dalam mengumpulkan dapatakan kajian ini telah melibatkan pelbagai pihak untuk menjayakan kajian ini.

Kesimpulan daripada bab satu yang membincangkan tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian. Dalam latar belakang kajian, tapak arkeologi yang berada di sekitar Lembah Bujang berlokasi di Kedah. Selain itu, menceriakan bagaimana Lembah Bujang berkembang menjadi sebuah pelabuhan yang berjaya. Dalam permasalahan kajian, oleh kerana negara dilanda virus ‘covid-19’ jumlah lawatan ke tapak arkeologi menurun begitu juga penglibatan komuniti di tapak. oleh yang demikian, pihak pengurusan perlu merangka pelbagai aktiviti bagi menarik perhatian komuniti dan pelawat ke tapak. Penglibatan komuniti di tapak akan membantu meningkatkan jumlah pelawat ke tapak. Hal ini demikian kerana, jika terdapat orang di tapak akan

mengurangkan rasa takut untuk melawat ke tapak. Seterusnya, kepentingan kajian pula adalah sebagai individu untuk menghayati sejarah peradaban yang terdapat di tapak arkeologi Lembah Bujang. Hal ini adalah untuk memupuk rasa menghargai warisan yang menjadi kebanggaan orang terdahulu. Disamping itu, pentingnya kajian ini adalah untuk masyarakat lebih peka tentang kewujudan tapak dan bersama-sama dengan pihak pengurusan menjaga kelestarian tapak arkeologi di Lembah Bujang. Dalam konteks Pendidikan, jumpaan tapak arkeologi ini menambah pengetahuan sejarah tentang perkembangan tapak Lembah Bujang ini dan dapat mengenalpasti asal usul agama yang bertapak di kawasan ini.

Dalam bab dua pula membincangkan tentang sorotan kajian. Bab ini membincangkan tentang kajian lepas yang berkaitan pengurusan tapak, bagaimana pihak yang bertanggungjawab menguruskan dan mempromosikan tapak kepada komuniti dan masyarakat sekitar serta pewartaan tapak. Contohnya, Jabatan Warisan Negara menetapkan garis panduan untuk proses pemuliharaan yang dijalankan di tapak arkeologi di Lembah Bujang bagi mengelakkan risiko berlakunya kerosakan pada artifak. Sorotan kajian dalam kajian ini amat penting untuk dijadikan sebagai rujukan dan sebagai sumber rujukan berilmiah dan sahih dalam setiap apa yang ditulis.

Dalam bab tiga, pengkaji menerangkan tentang kaedah yang akan digunakan untuk membuat analisis pengumpulan data. Pengkaji membuat rujukan berkenaan penglibatan komuniti dalam pengurusan di tapak arkeologi di Lembah Bujang. Pengkaji telah menyatakan tentang teknik apa yang digunakan untuk menjalankan kajian iaitu Teknik snowball. Pengkaji menggunakan teknik snowball untuk mencari pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi dan langkah untuk melestarikan tapak. Segala rujukan untuk menjalankan kajian ini adalah berkait rapat dengan pengurusan tapak serta penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak.

Seterusnya, dalam bab empat pula, pengkaji telah merangka tema dan soalan bagi soal selidik dan temu bual mengikut objektif kajian. Pengkaji telah menyediakan soalan untuk menemubual komuniti, pihak pengurusan tapak dan pihak yang pernah menguruskan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Pengkaji telah membuat analisis pengumpulan data, di mana pengkaji menggunakan kaedah campuran iaitu, kaedah kualitatif dan kuantitatif. Pengkaji menemubual beberapa orang yang terlibat dengan pengurusan tapak bagi mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Selain itu, pengkaji juga ada mengedarkan borang soal selidik kepada komuniti sekitar Lembah Bujang secara atas talian iaitu dengan mengedarkannya dalam ‘facebook’ persatuan penduduk Lembah Bujang dan juga dalam ‘whatsapp’ komuniti Lembah Bujang.

Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah campuran kerana bagi memastikan bahawa maklumat daripada informen berkait dan selari dengan jawapan dalam soal selidik yang diedarkan. Pengkaji telah mengemukakan 10 soalan untuk temu bual iaitu sebanyak 5 soalan untuk objektif satu dan 5 soalan untuk objektif tiga. Manakala, bagi objektif kedua, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif, di mana pengkaji telah membahagikan soalan kepada 2 tema iaitu demografi dan tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Setiap tema ini mempunyai 5 soalan. Selain itu, data-data yang iperoleh adalah sangat berkait rapat dengan pemerhatian, temubual dan soal selidik yang telah dijalankan di tapak arkeologi di Lembah Bujang. Segala data yang diperoleh telah menjawab ketiga-tiga objektif kajian pengkaji iaitu, yang pertama, mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Pengkaji dapat mengumpulkan data tentang siapa yang terlibat dalam pengurusan tapak dan pihak manakah yang bertanggungjawab menguruskan tapak. Tapak arkeologi ini sebelumnya di uruskan oleh pihak USM dan dibantu oleh badan-badan bukan kerajaan. Sekarang

tapak ini diuruskan oleh Jabatan Warisan Negara dan dibantu oleh pihak USM serta badan-badan bukan kerajaan.

Selain itu, mengkaji tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi dilihat menutun akibat ‘covid-19’. Walaupun begitu, tapak ini kembali menarik pelawat dan penglibatkan komuniti meningkat selepas beberapa aktiviti yang melibatkan masyarakat dijalankan di tapak arkeologi ini. Objektif ketiga, menganalisis langkah melestarikan tapak arkeologi di Lembah Bujang. Langkah untuk melestarikan tapak ini disusun oleh pihak Jabatan Warisan dan sedang giat dijalankan bagi keselesaan pelawat. Terdapat beberapa cabaran yang perlu dilalui oleh pihak Jabatan Warisan Negara dalam menguruskan tapak ini. Antaranya, kekangan kewangan, mengembalikan penglibatan komuniti di tapak dan merangka aktiviti melibatkan komuniti. Dalam mengharungi cabaran ini, pihak Jabatan Warisan Negara telah berjaya melaksanakan beberapa aktiviti melibatkan masyarakat dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada komuniti dan masyarakat setempat. Secara keseluruhannya, terdapat pengibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang dan responden bersetuju dengan pernyataan yang dikemukakan.

5.1 Cadangan

Dalam memastikan tapak arkeologi sentiasa mendapat sambutan dan lawatan daripada komuniti, pihak pengurusan tapak perlu melakukan satu inisiatif baru dan menarik agar dapat menarik perhatian komuniti untuk terlibat dalam pengurusan tapak. Sebelum tapak ini diambil alih oleh Jabatan Warisan Negara, ramai komuniti yang melibatkan diri dalam pengurusan tapak. Oleh itu, pihak Jabatan Warisan Negara perlu meyakinkan komuniti bahawa walaupun tapak ini sudah diuruskan oleh Jabatan Warisan, pihak

Jabatan Warisan tetap memerlukan kerjasama dari komuniti untuk menguruskan tapak. Hal ini kerana, penglibatan komuniti dalam pengurusan sangat penting kerana komuniti adalah golongan yang lebih arif mengenai tapak dan hal ini juga bagi memudahkan pihak jabatan memohon batuan dari komuniti jika mengalami sebarang kesulitan.

Selain itu, penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak dilihat terdiri daripada golongan berumur 36 tahun ke atas. Hal ini menjadi satu cabaran kepada pihak pengurusan tapak untuk menarik perhatian golongan lebih muda untuk membantu mereka. Pihak pengurusan boleh mewar-warkan kepada ketua-ketua kampung atau dilaman sosial bagi menjemput penglibatan golongan muda untuk bersama-sama menguruskan tapak selain dari mengadakan aktiviti-aktiviti seperti konsert.

Akhir sekali, pihak pengurusan juga boleh bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengadakan aktiviti menarik untuk dijalankan ditapak. Hal ini bagi menarik minat dan memberitahu kepada umum tentang tapak arkeologi ini. apabila terdapat penglibatan dari agensi-agensi luar akan memudahkan pihak pengurusan untuk memohon dana bagi proses melestarikan tapak. Hal ini kerana, kerja-kerja untuk baik pulih tapak memakan kos yang tinggi. Justeru itu, dengan penglibatan komuniti dan pelbagai agensi di tapak ini akan membantu melancarkan proses menaik taraf tarap arkeologi di Lembah Bujang ini.

5.2 Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah menjawab semua persoalan kajian, objektif kajian serta merungkai permasalahan kajian dalam projek penyelidikan ini. Oleh yang demikian, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat penglibatan komuniti dalam pengurusan tapak arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun, pihak pengurusan perlu giat merangka aktiviti yang menarik bagi

menjemput komuniti untuk terus menyumbang bakti di tapak arkeologi ini. Hal ini adalah untuk merapatkan jurang antara tapak arkeologi dengan komuniti. Kehadiran komuniti di tapak akan membuang perspektif bahawa kawasan tapak arkeologi adalah tempat yang menyeramkan.



RUJUKAN

- Abdul Hamid, N., & Hassan, F. (2018). Potensi Lembah Bujang sebagai destinasi pelancongan kulinari berasaskan sumber alamiah: Satu kajian awal. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(4). <https://doi.org/10.17576/geo-2018-1404-12>
- Abdul Samad Hadi, Shaharudin Idrus, & Abdul Hadi Harman Shah. (2004). Persekutaran Bandar Lestari untuk Kesejahteraan Komuniti. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 5, 3–29.
- Abdullah, N. A. (2022). *Peranan Muzium Komuniti Dalam Pengekalan Identiti Di Melaka, Tapak Warisan Dunia Malaysia*.
- Adnan Jusoh. (2016). (PDF) Melestarikan Tapak Warisan Arkeologi, Monumen dan Bangunan Bersejarah Dalam Konteks Arkeopelancongan di Malaysia. *ResearchGate*, 23–24.
https://www.researchgate.net/publication/312494931_Melestarikan_Tapak_Warisan_Arkeologi_Monumen_dan_Bangunan_Bersejarah_Dalam_Konteks_Arkeopelancongan_di_Malaysia
- Affiq. (2021). *5 Tempat Di Malaysia Yang Diiktiraf UNESCO Sebagai Warisan Dunia - Harian Post.* <https://harianpost.my/5-tempat-di-malaysia-yang-diiktiraf-unesco-sebagai-warisan-dunia/>
- Ali, M., Hussin, R., Yasir, S. M., Tarmizi, A., & Rahman, A. (2015). Projek Estet Mini Rumpai Laut Dan Penglibatan Komuniti Nelayan Di Daerah Semporna, Sabah Seaweed Mini Estate Project And Fishing Community Involvement In Semporna District Of Sabah, Malaysia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, 1(1).
- Apaydin, V. (2018). Critical Community Engagement in Heritage Studies. *Encyclopedia of Global Archaeology*, 1–7. https://doi.org/10.1007/978-3-319-51726-1_3348-1
- Arnstein, S. R. (1969). A Ladder Of Citizen Participation. *Journal of the American Planning Association*, 35(4), 216–224. <https://doi.org/10.1080/01944366908977225>
- Bahrin, K. N. 'Aliah. (2022). *Penglibatan Komuniti Seempat Dalam Pemuliharaan Tapak Warisan Di Taiping, Perak*.

- Chan, K., Ling, @, Geraldine, S., Aziz, H., Saadiah, H., Abdul, R., & Abstrak, A. (n.d.). *Sistem Jaringan Governans untuk Langkawi Geopark: Pengisahan Konseptual Langkawi Geopark Governance Network System: A Conceptual Rubric.* <http://www.lada.gov.my/index.php?>
- Choo, M., Lunkapis, G., & Anton, A. (n.d.). *Penglibatan Komuniti Dalam Melestarikan Sungai Melalui Program Penambahbaikan Stock Udang Galah: Kajian Kes Di Sungai Petagas, Sabah.*
- Eyo, L. Y., Suboh, R., & Pue, G. H. (2021). Warisan Budaya Tidak Ketara Komuniti Cina Peranakan Kelantan: Kajian Kes Upacara Koi Hoi di Kampung Pasir Parit. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(8), 28–44. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i8.892>
- Farsani, N. T., Coelho, C., & Costa, C. (2011). Geotourism and geoparks as novel strategies for socio-economic development in rural areas. *International Journal of Tourism Research*, 13(1), 68–81. <https://doi.org/10.1002/JTR.800>
- Gani, A. A., Kayat, K., & AZNOR Ahmad, S. (2013). *Memahami Penglibatan Komuniti Dalam Pembangunan Pelancongan Lestari Willingness To Pay For Improving River Water Quality View Project Labour Force Participation Model Of Local Youth In Plantation Sector View Project.* <https://www.researchgate.net/publication/292305270>
- Geopark sebagai Peraga Pembangunan Lestari Wilayah Geopark as a Model for Regional Sustainable Development Ibrahim Komoo Abstrak. (n.d.).
- Ghazali, M. K. A., Saleh, Y., & Mahat, H. (2021). Pembinaan kerangka konstruk kelestarian bandar warisan di Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space*, 17(1). <https://doi.org/10.17576/geo-2021-1701-16>
- Glossary - International Council on Monuments and Sites. (2022). <https://www.icomos.org/en/2016-11-10-13-53-13/icomos-and-the-world-heritage-convention-4>
- Halim, S. A., & Ishak, N. A. (2017). Examining community engagement in heritage conservation through geopark experiences from the Asia Pacific region. *Kajian Malaysia*, 35, 11–38. <https://doi.org/10.21315/KM2017.35.SUPP.1.2>

- Hashim, H. (n.d.). *Penglibatan komuniti dalam Program Pembangunan Luar Bandar: kajian kes di Pusat Pertumbuhan Desa Gedong, Sarawak. Cite this paper.*
- Hassan, N., Nik, S., & Rahman, A. (n.d.). Artifak Kebudayaan Melayu: Sumbangan Arkeologi dan Arkeologis. In *Jurnal Perspektif Jil. 2 Bil* (Vol. 1).
- Howard Becker, & Noy Chaim. (2020). *SAGE Research Methods Foundations Metadata.*
<https://doi.org/10.4135/URL>
- Ibrahim Komoo. (2020). *Pemulihan warisan: Kita terlatih tapi tak terdidik.*
<https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2020/01/648583/pemulihan-warisan-kita-terlatih-tapi-tak-terdidik>
- Jabatan Muzium Malaysia. (2012). Tamadun Lembah Bujang. *Jabatan Muzium Malaysia.*
<http://www.jmm.gov.my/files/Tamadun%20Lembah%20Bujang-%20Prospek%20Arkeologi%20dan%20Pelancongan.pdf>
- Soalan & Jawapan Lazim Daftar Warisan, Jabatan Warisan Negara (2021).
<https://www.heritage.gov.my/soalan-jawapan-lazim-daftar-warisan.html>
- Kata Malaysia. (2019). *Menjejaki sejarah di Lembah Bujang – Kata Malaysia.* In Culture.
<https://katamalaysia.my/culture/menjejaki-sejarah-di-lembah-bujang/>
- Kayat, K., & Nor, M. N. A. (2006). Penglibatan Ahli Komuniti Dalam Program Pembangunan Komuniti: Satu Kajian Ke Atas Program Homestay di Kedah. *Akademika*, 77–102.
- Keitumetse, S. O. (2011). Sustainable development and cultural heritage management in Botswana: Towards sustainable communities. *Sustainable Development*, 19(1), 49–59.
<https://doi.org/10.1002/SD.419>
- Khairil Kamarudin. (2013). Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan. *Garis Panduan Pemuliharaan Bangunan Warisan.*
<https://khairulkamarudin.files.wordpress.com/2013/04/garis-panduan-pemuliharaan-bangunan-warisan.pdf>
- Mahani Musa. (2015). Sejarah Lisan Lembah Bujang. *Handbook*, 34–38.

Mustafa, S., Marzuki, M., Syamimi Ramli, R., Mapjabil, J., Kadir Zainal Abidin, M., Pirdaus Yusoh, M., Geografi, J., & Sains Kemanusiaan, F. (2015). *Pengurusan bandar warisan UNESCO dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang.*

Namri Sidek. (2018). *4 Kawasan di Malaysia Yang Diiktiraf Tapak Warisan Dunia / Iluminasi.* <https://iluminasi.com/bm/4-kawasan-di-malaysia-yang-diiktiraf-tapak-warisan-dunia.html>

Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. (2022). *Sejarah Awal Lembah Bujang - Sejarah Awal Lembah Bujang.* Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. https://memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idtopic=47&idskandungan=190&mtopic=5#top

Pretty, J. N. (1995). Participatory learning for sustainable agriculture. *World Development*, 23(8), 1247–1263. [https://doi.org/10.1016/0305-750X\(95\)00046-F](https://doi.org/10.1016/0305-750X(95)00046-F)

Ramli, Z. bin, Haliza, D., & Jamal, D. (2016). *Peranan Bangunan Bersejarah Dalam Membentuk Jatidiri Masyarakat: Tinjauan Di Taiping, Perak.* <https://www.researchgate.net/publication/307539392>

Roslan Rosnon, M., & Abu Samah, A. (2021). *E-Proceeding International Webinar Community Development In Southeast Asia 2021.* <https://www.researchgate.net/publication/354313554>

World Heritage site / Criteria, definition, History, & List / Britannica, (2022) (testimony of The Editord of Encyclopaedia Britannica). <https://www.britannica.com/topic/World-Heritage-site>

Timothy Tye. (2016, April 23). *Tapak Arkeologi Lembah Bujang.* <https://www.penang-traveltips.com/bm/malaysia/kedah/lembah-bujang.htm>

Yaakub, R., & Amzah, F. (2018). (PDF) *Analisis Tematik Dalam Pembelajaran Dan Pemudahcaraan (Pdpc) Proses Penulisan Karangan Argumentatif Berasaskan Kbat: Pemahaman Dan Amalan Pedagogi Guru Bahasa Melayu Tingkatan Empat.* Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan. Https://Www.Researchgate.Net/Publication/330900318_Analisis_Tematik_Dalam_Pembelajaran_Dan_Pemudahcaraan_Pdpc_Proses_Penulisan_Karangan_Argumentatif

Berasaskan Kbat Pemahaman Dan Amalan Pedagogi Guru Bahasa Melayu Tingkat Empat

Yuszaidy Mohd Yusoff. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu National Heritage Act, 2005: A Review. *UKM Journal Article Repository*, 1–16.

Zainudin, N. (2022). *Bandar Lama Diraja Jugra, Selangor Sebagai Pusat Pelancongan: Perspektif Pihak Berkepentingan.*

Zaki Ahmad, M., & Afendi Ibrahim, J. (1987). *Pelancongan Negeri Kedah Darul Aman : Isu dan Cabaran Pelancongan Kesihat an sebagai Sumber Pendapat an Negara: Pot ens, Impak dan Cabaran : Pencapaian dan Cabaran Masa Depan.*

Zamzamiyah binti Mokhtar. (2022). *Sejarah Awal Lembah Bujang - Sejarah Awal Lembah Bujang.* Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah. https://memori-kedah.com/page_pengenalan.php?p=2&idstopic=47&idskandungan=190&mtopic=5

APPENDIX A**SENARAI INFORMAN**

1.	Encik Mohd Fauzi bin Yaakob	Komuniti Lembah Bujang
2.	Encik Ardi Asmera bin Saeman	Pengarah Jabatan Warisan Negara Zon Utara
3	Puan Siti Nurul Seha binti Mohamad	Pelajar PhD di Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang
4.	Dr. Hasfarisham bin Abdul Halim	Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Malaysia, USM

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APPENDIX B

BORANG SOALAN TEMU BUAL

No	Objektif	Tema	Soalan berkaitan tema
1		Latarbelakang informan	<ul style="list-style-type: none"> - Nama - Umur - Peranan / pekerjaan - Tarikh /hari temubual - Masa temubual - Lokasi
2	Mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang.	Latarbelakang tapak arkeologi	<ul style="list-style-type: none"> - Bilakah tapak arkeologi ini diasaskan? - Kegiatan apakah yang dijalankan di tapak arkeologi ini? - Bagaimanakah cara artifak ditemui, disimpan dan dipelihara? - Artifak ditemui oleh siapa? - Siapakah yang terlibat dalam pengurusan di tapak ini?

			<ul style="list-style-type: none"> - Siapakah yang menguruskan artifak yang ditemui? - Bagaimanakah tapak ini diuruskan? - Tapak arkeologi ini berada dibawah naungan siapa
3	Mengkaji tahap penglibat kemuniti dalam pengurusan tapak arkeologi di Lembah Bujang.	komuniti	<ul style="list-style-type: none"> - Adakah tapak arkeologi ini mengalu-alukan kedatangan pelawat? - Adakah aktiviti yang dijalankan diwar-warkan kepada umum? - Adakah setiap aktiviti yang dijalankan melibatkan komuniti? - Adakah aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan dari komuniti? - Kekerapan aktiviti bersama komuniti dijalankan? - Adakah pihak pengurusan mendapat kerjasama komuniti dalam pengurusan tapak?

			<ul style="list-style-type: none">- Adakah pihak pengurusan mengalukan sumbangan atau Kerjasama dari komuniti?- Apakah usaha yang dijalankan pihak pengurusan tapak arkeologi bagi mengeratkan hubungan dengan komuniti
--	--	--	--

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

APPENDIX C**BORANG SOAL SELIDIK****TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG :
KAJIAN TERHADAP PENGLIBATAN
KOMUNITI DALAM PENGURUSAN TAPAK
ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG.**

Assalamualaikum dan salam sejahtera.

Responden yang dihormati,

Saya merupakan pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Saya sedang menjalankan kajian terhadap penglibatan komuniti dalam pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang, Sungai Batu, kedah. Ini adalah untuk memenuhi kriteria untuk saya menyempurnakan projek tahun akhir saya. Oleh itu, saya memohon kerjasama dari pihak tuan dan puan bagi meluangkan sedikit masa untuk menjawab soalan kaji selidik dibawah. Kerjasama dan masa yang tuan puan luangkan untuk menjawab soalan kaji selidik ini amatlah saya hargai. Data dan maklumat dari responden yang saya peroleh akan dirahsiakan serta hanya digunakan dengan tujuan kajian sahaja.

Kajianini dibahagikan kepada 3 bahagian :

BAHAGIAN A:MAKLUMAT RESPONDEN

BAHAGIAN B: PENGETAHUAN RESPONDEN TENTANG LATAR BELAKANG TAPAK

BAHAGIAN C:SOALAN KAJI SELIDIK BERKAITAN PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PENGURUSAN TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

BAHAGIAN C(i) :Pihak yang terlibat dalam Tapak arkeologi Lembah Bujang

BAHAGIAN C(ii) :Tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang

BAHAGIAN C (iii) :Aspek kemudahan

* Required

BAHAGIAN A**MAKLUMAT RESPONDEN****1. UMUR ***

Mark only one oval.

KURANG DARI 20 TAHUN

- 21 HINGGA 25 TAHUN
- 26 HINGGA 30 TAHUN
- 31 HINGGA 35 TAHUN
- 36 HINGGA 40 TAHUN
- 41 HINGGA 45 TAHUN
- 46 TAHUNDANKEATAS

2. TARAF PENDIDIKAN *

Mark only one oval.

- SPM
 DIPLOMA
 ASASI
 IJAZAH SARJANA MUDASARJANA
 PHD
 Other: _____

3. PENGALAMAN PEKERJAAN *

Mark only one oval.

- KERAJAAN
 SWASTA BEKERJA
 SENDIRITIDAK
 BEKERJA
 PELAJAR

4. BANGSA *

Mark only one oval.

- MELAYU
 CINA
 INDIA
 LAIN-LAIN

BAHAGIAN B LATAR BELAKANG TAPAK ARKEOLOGI LEMBAH BUJANG

Bahagian Bini menggunakan kaedah skala 1 -

- Sangat tidak setuju
 2 - Tidaksetuju
 3 - Sederhanasetuju
 4 - Setuju
 5 - Sangatsetuju

5. LATAR BELAKANG TAPAK *

Mark only one oval per row.

	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Tapak arkeologi ini dikatakan bukti Negeri Kedah adalah tertua di Asia Tenggara	<input type="radio"/>	<input checked="" type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Jumpaan alat membuat Besi tertua di Asia Tenggara	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Merupakan pelabuhan paling besar sebelum kewujudan pelabuhan Melaka	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Merupakan pusat penyebaran Agama	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Jumpaan chandi di Lembah Bujang menjadi bukti penyebaran agama Hindu Buddha di Kedah	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>
Gunung Jerrai	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>	<input type="radio"/>

penanda
aras bagi
pelajar
untuk
berlabuhdi
pelabuhan
Lembah
Bujang

BAHAGIAN C

Bahagian C ini mempunyai 3 bahagian

Bahagian C (i) : Pihak yang terlibat dalam Tapak arkeologi Lembah Bujang

BAHAGIAN C (ii) : Tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang

BAHAGIAN C (iii) : Aspek kemudahan

6. Pernah melawat ke Tapak arkeologi Lembah Bujang *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

7. Pernah terlibat dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan di Tapak arkeologi Lembah Bujang *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

8. Mengetahui pihak yang terlibat dalam pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

9. Pernah bekerjasama dengan pihak pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

BAHAGIAN C (ii)

BAHAGIAN C(ii) : Tahap penglibatan komuniti dalam pengurusan Tapak arkeologi Lembah Bujang

10.

*

Mark only one oval per row.

Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Sederhana Setuju	Setuju	Sangat Setuju
---------------------------	-----------------	---------------------	--------	------------------

Adakah
pihak
pengurusan
Tapak
arkeologi
mewar-
warkan
aktiviti yang
dijalankan
kepada
umum?

Adakah setiap
aktiviti
yang dijalankan
di Tapak
arkeologi
Lembah
Bujang
melibatkan
komuniti?

Adakah
piihak
pengurusan
tapak
arkeologi
Lembah
Bujang
sering
menjalankan
aktiviti
bersama
komuniti?

Adakah
pihak
pengurusan
mengaluh-
alukan
sumbangan
atau
kerjasama
dari
komuniti?

Adakah

anda tahu
Adakah
tentanglatar
anda tahu
belakang
tentanglatar
tapak
belakang
arkeologi
tapak Lembah
arkeologi
Bujang?
Lembah
Bujang?

11. Adakah Tapak arkeologi Lembah Bujang ini sesuai dijadikan tempat lawatan? *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

12. Adakah Tapak arkeologi Lembah Bujang ini sesuai diangkat sebagai Tapak pelancongan? *

Mark only one oval.

Ya

Tidak

11. Adakah Tapak arkeologi Lembah Bujang ini sesuai diangkat sebagai Tapak pelancongan? *

Mark only one oval.

- Ya
 Tidak

14. Adakah dengan melawat ke Tapak Arkeologi Lembah Bujang ini akan menambahkan lagi ilmu tentang sejarah? *

Mark only one oval.

- Ya
 Tidak

15. Adakah lokasi Tapak arkeologi Lembah Bujang ini mudah ditemui? *

Mark only one oval.

- Ya
 Tidak

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

16. Adakah lokasi Tapak arkeologi Lembah Bujang ini menyediakan kemudahan seperti?

Check all that apply.

	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Sederhana Setuju	Setuju	SangatSetuju
Kaunterr Perrtanyaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tempatt Lettak Kenderraan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tandas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Tempatt Makan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Surrau	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Lalluan ke TapakKajijiian	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
GalleriiInfo	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
Gerraii Cenderramatta	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

UNIVERSITI
 ━━━━━━
 MALAYSIA
 ━━━━━━
 KELANTAN


APPENDIX D

SURAT PERMOHONAN MENJALANKAN KAJIAN LAPANGAN


 UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN	Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan <i>Faculty of Creative Technology and Heritage</i>										
RUJ. KAMI (Our Ref.) : UMK.A02.600-4/7/4 JILID 3 (45) TARIKH (Date) : 19 SEPTEMBER 2022											
<p>Jabatan Warian Negara Zon Utara Tapak Arkeologi Sungai Batu Lembah Bujang 8110 Bedong Kedah</p> <p>Tuan,</p> <p>MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN / TEMURAMAH</p> <p>Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.</p> <p>2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus Projek Penyelidikan II (CFT4134). Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th>Bil.</th> <th>Nama Pelajar</th> <th>No Matrik</th> <th>No. K/P</th> <th>Program</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>Nur Atiqah Binti Umar</td> <td>C19B0491</td> <td>970902025782</td> <td>Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian</td> </tr> </tbody> </table> <p>3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.</p> <p>Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.</p> <p>Sekian.</p> <p style="text-align: center;">"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT" "WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030" "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"</p> <p>Saya yang menjalankan amanah,</p> <p style="text-align: center;">  PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar) </p> <p style="text-align: center;">UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN أونیورسیتی ملیسیا کلنٹن</p>		Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program	1	Nur Atiqah Binti Umar	C19B0491	970902025782	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian
Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program							
1	Nur Atiqah Binti Umar	C19B0491	970902025782	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian							
Kampus Bachok Beg Berkunci (Locked Bag) No. 01, 16300 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA Tel : 609 779 7260 Fax : 609 779 7262											

APPENDIX E

GAMBAR



Gambar 1 : Komuniti Bersama-Sama Staf Tapak Arkeologi Sungai Batu Di Lembah Menjalankan Eskavasi



Gambar 2 : Temu Bual Bersama Pengarah Jabatan Warisan Negara Secara Atas Talian



Gambar 3 : Lawatan Sekolah ke Tapak Arkeologi Sungai Batu di Lembah Bujang



Gambar 4 : Program Yang Pernah Dianjurkan Di Tapak Arkeologi Sungai Batu Di LembahBujang